



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

Jilid I **Bil. 11** **Hari Isnin** **15hb Disember, 1986**

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tuan M. Sangaralingam	
Y.B. Puan Valli Muthusamy	
Y.B. Tuan Jaafar bin Haron	
T.B. Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim	
T.B. Tuan Mustafa bin Awang	
Y.B. Tuan Sivalingam a/l Arumugam Kurupiah	
T.B. Tuan Hassan Alban Haji Sandukong	(Ruangan 1)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru	(Ruangan 2)
-------------------------------	-------------

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 2)
--------------------------------------------------	-------------

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perpustakaan Negara (Pindaan)	(Ruangan 35)
Rang Undang-undang Penyerahan Bahan Perpustakaan	(Ruangan 76)
Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan)	(Ruangan 89)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 15hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Tuan M. Sangaralingam
2. Puan Valli Muthusamy
3. Tuan Jaafar bin Haron
4. Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim
5. Tuan Mustafa bin Awang
6. Tuan Sivalingam a/l Arumugam Kuruppiah
7. Tuan Hassan Alban Haji Sandukong

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru sahaja mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik semula dan dipilih dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**KEGIATAN ZIONIS**

1. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar Kumpulan Kebudayaan atau badan-badan tertentu dalam negara ini telah terlibat dalam kegiatan zionis dalam negara ini. Jika benar dapatkah Menteri yang berkenaan menerangkan:

- (a) Kumpulan Kebudayaan manakah yang terlibat;
- (b) sejauh manakah kumpulan tersebut telah terlibat;
- (c) adakah kumpulan ini juga menghasut orang-orang Islam supaya mengikut ajaran Kristian. Jika ada, sejauh manakah keberkesanan dakwah mereka terhadap orang Islam; dan
- (d) apakah tindakan Kerajaan untuk menghapuskan gerakan ini dari bumi Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang mendedahkan hasil penyiasatan Kerajaan setakat ini pada masa sekarang memandangkan pendedahan demikian akan menjejaskan dan menyulitkan siasatan-siasatan lanjut yang masih dijalankan.

Tuan Chan Choong Tak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Tertimbul daripada soalan 1(c), bolehkah Kementerian berkenaan menerangkan kepada orang di sini bahawa agama Kristian dan Zionism adalah bertentangan satu di antara yang lain dan agama Kristian tidak ada hubungan dengan Zionism.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat itu adalah betul bahawa tidak ada kena-mengena antara penganut agama Kristian dengan pihak Zionis.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan. Bolehkah pihak Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bagaimanakah cara Zionis bertindak dan bergerak?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, taktik dan cara pihak Zionis bertindak dalam komplot mereka untuk menggugat mana-mana negara, pertubuhan atau individu yang ternampak sebagai menyebelahi perjuangan hak orang-orang Palestin atau Arab di Asia Barat amatlah licin. Tohmahan, fitnah dan ugutan serta tindakan sulit yang dikenali sebagai 'dirty tricks', dengan izin, oleh agensi-agensia rahsia mereka adalah cara-cara yang kerap kali diguna terhadap mangsa-mangsa mereka. Kerap kali juga pihak Zionis akan menggunakan saluran-saluran terbuka seperti akhbar-akhbar dan pertubuhan-pertubuhan yang sah supaya menyembunyikan niat jahat mereka bagi menabur fitnah dengan memainkan isu-isu semasa yang lumrah dibangkitkan oleh puak-puak tertentu dalam negara-negara berkenaan. Penulisan terbuka dan laporan-laporan sulit mengenai taktik-taktik kotor Zionis dan puak-puak sulit lain pernah dibuat oleh mereka yang pernah menjadi mangsa.

Di Malaysia, kebelakangan ini sejak Malaysia membuat pendirian dengan lebih tegas menentang kezaliman pihak Zionis terhadap orang-orang Palestin dan Arab, Kerajaan ternampak unsur-unsur dan gejala-gejala yang sama ditujukan terhadap keruntuhan ekonomi dan kestabilan politik di negara ini.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah perbezaan gerakan Zionis dan gerakan Yahudi.

Soalan yang kedua, kita dapati pergerakan Zionis ini amat merbahaya kepada rakyat dan negara kita. Dapatkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu jika kita dapati ada kumpulan-kumpulan kita yang terlibat dengan gerakan ini, apakah tindakan yang boleh diambil dari segi undang-undang kepada kumpulan-kumpulan yang berkenaan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Yahudi adalah orang-orang yang menganut agama Yahudi yang tidak terlibat dengan perasaan kebangsaan yang menyeluruh. Sebaliknya terdapat satu golongan daripada mereka yang dikenalkan sebagai 'the lovers of Zion', iaitu mereka yang cinta kepada Zion dan mereka ini mempunyai pendirian bahawa apa sahaja boleh dibuat oleh mereka untuk kepentingan negara mereka. Walaupun mereka menjadi warga-negara negara asing, mereka masih lagi sanggup membuat tindakan untuk menjayakan negara yang dikasihi oleh mereka itu. Dalam tindakan-tindakan mereka ini, mereka tidak mengambilkira kepentingan-kepentingan orang lain, bahkan mereka sanggup membuat tindakan-tindakan yang amat kejam, yang tidak kurang daripada kekejaman yang telah dilakukan kepada pihak Yahudi yang tinggal di Nazi, Germany di waktu perang dahulu.

Tentang soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memandang ancaman ini dengan serius dan akan terus mengambil tindakan-tindakan tertentu bagi menumpukan serta mematahkan ancaman dan niat jahat puak-puak seperti ini dari menguasai dan meracuni pemikiran rakyat serta pelaburan-pelabur. Kerajaan akan menggunakan segala undang-undang yang ada untuk menghapuskan pergerakan Zionis di negara ini.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan-jawapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, terang dan jelas kepada saya bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memahami dan sedia memaklumi akan adanya gerakan-gerakan agen-agen Zionis dan cara-caranya untuk hendak menghancurkan kita. Soalan saya, selama manakah siasatan yang akan dijalankan dan bila kita akan dapat tahu bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menumpaskan agen-agennya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, nama-nama orang, pertubuhan-pertubuhan atau negeri yang terlibat tidaklah wajar didedahkan oleh kerana ia adalah rahsia Kerajaan. Perkara ini amatlah penting supaya tidak menjejaskan atau menyulitkan tindakbalas Kerajaan untuk menentukan ancaman ini tidak menjadi lebih serius dan berlarutan. Apabila segala-galanya telah beres dan difikirkan perlu, pihak Kementerian akan memberitahu rakyat jelata tentang keputusan penyiasatan.

RTM - PROGRAM AGAMA ISLAM

2. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian menjalankan siasatan menyeluruh akan keberkesanan program agama Islam yang disiarkan oleh RTM pada tiap-tiap hari itu kerana kedapatan di waktu kebelakangan ini bertambah banyak isu-isu dan unsur-unsur yang boleh menggugat akidah dan perpecahan ummah di negara ini diketengahkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sentiasa menjalankan penyelidikan bagi meninjau keberkesanan setiap program RTM sepanjang masa, umpamanya dari segi penerimaan penonton atau pendengar dan kesesuaian masa siaran. Hasil laporan penyelidikan ini dijadikan sebagai panduan dalam merancang penerbitan dan penyiaran rancangan-rancangan Radio dan TV, termasuklah rancangan-rancangan Agama Islam. Rancangan-rancangan Agama diterbitkan di bawah awasan Bahagian Agama di Kementerian ini dan peserta-pesertanya adalah dipilih dari ahli-ahli agama yang bertanggungjawab dan berkebolehan. Oleh itu, soal pengeluaran pendapat yang boleh menggugat akidah dan memecahbelahkan ummah tidak timbul. Jika dikeluarkan pendapat-pendapat yang begitu, RTM sendiri pasti akan memotong atau mensensor-nya. Dalam soal ini juga RTM sentiasa memberi penjelasan dan ajaran Islam yang sebenar demi mengatasi unsur-unsur yang boleh menggugat akidah dan perpecahan ummah.

Walaupun pendapat penonton atau pendengar selalu dikaji, ini tidaklah bermakna perancangan dan pengarahannya program RTM hanyalah bergantung kepada reaksi penonton atau pendengar sahaja. RTM juga merancang dan menerbitkan program-program mengikut kehendak dasar-dasar dan keutamaan Kerajaan supaya proses pembangunan negara dapat dipercepatkan.

Tuan G. Rajoo: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah rancangan RTM untuk mengadakan program keagamaan selain daripada agama Islam, seperti program agama Hindu, Buddha dan Kristian disiarkan supaya nilai-nilai yang baik dalam agama itu dapat difahami oleh rakyat?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada tetapi walau bagaimanapun, jika sekiranya difikirkan perkara ini munasabah dan sesuai, Kementerian Penerangan akan mengkaji perkara ini.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Raji Latif: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan masa program agama Islam yang disiarkan oleh RTM pada tiap-tiap hari itu terlampau pendek, menyebabkan pihak penceramah tidak habis membuat satu huraian. Sebagai contoh, baru-baru ini saya tengok masalah amanah Allah kepada umat mengenai dunia ini, tak habis diselesaikan, program itu sudah ditamatkan. Soalan saya, adakah Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menambahkan masa lagi?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat, kalau saya tidak silap pada minggu yang lalu telah saya menjawab satu soalan yang sama yang mana telah saya terangkan bahawa mulai daripada bulan Januari tahun depan rancangan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi telahpun dikaji dan diubahsuaikan masa penyiarannya dan yang mana perlu akan ditambah masanya.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Kita beri peluang kepada wanita dahulu [Ketawa].

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah pihak televisyen khususnya dalam siaran agama mengambil perhatian kepada pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh mereka yang berpengetahuan dalam agama Islam mengenai cara persembahan siaran itu ataupun program itu diperbaiki lagi supaya hanya dapat menarik perhatian pendengar-pendengar terutamanya daripada mereka yang bergama Islam atau yang bukan beragama Islam. Tidaklah seperti sekarang dekorasi belakangnya itu, saya rasa sudah hampir setahun tidak bertukar-tukar latarnya serupa sahaja dan pendekatannya juga begitu, hanya berbentuk forum, soal-jawab dan juga kadangkadang ceramah biasa. Saya ulang lagi, adakah pihak Kementerian mengambil perhatian kepada pandangan dan cadangan orang ramai termasuk Ahli-ahli Dewan ini mengenai cara persembahan yang lebih menarik, lebih baik dan lebih berkesan bagi siaran-siaran agama Islam ini?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, telah saya katakan tadi bahawa soal mengkaji perkembangan-perkembangan ataupun perubahan-perubahan telahpun diserahkan kepada satu jawatankuasa yang berpengetahuan dalam soal agama Islam yang mana bertanggungjawab untuk mencadangkan sebarang perubahan yang perlu dibuat.

Baru-baru ini Kementerian telahpun mewujudkan satu saluran hot line di mana Kementerian menerima pendapat-pendapat atau maklum balas daripada kritikan-kritikan daripada luar ini merupakan satu langkah diambil di mana orang ramai boleh mengeluarkan pendapat yang boleh dijadikan panduan bagi Kementerian menjalankan tugas yang lebih baik dalam bidang agama.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, dari penerangan dan penjelasan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan pertanyaan asal ni, maka saya ingin menjelaskan bahawa maksud soalan ini bukanlah TV yang mengeluarkan ajaran salah ataupun penyelewengan. Maksudnya, dengan timbulnya beberapa penyelewengan dan ajaran salah dalam negara ini, apakah tindak balas dari pihak TV disalurkan melalui Bahagian Agama untuk membetulkan masalah ini. Itu soalan pertama.

Yang keduanya, saya ingin tahu tajuk-tajuk ceramah yang disiarkan melalui TV atau Radio ini, adakah pihak Bahagian Agama RTM yang menentukannya?

Yang ketiganya, adakah benar bahawa pihak RTM menghadapi masalah untuk mendapatkan penceramah-penceramah yang sesuai untuk membincangkan satu-satu tajuk?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlampau panjang dan terlampau komprehensif. Yang pertama tadi, kalau saya tidak silap berkenaan - boleh tolong sebutkan sekali lagi?

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, maksud soalan ini ialah bukan RTM yang menyiarkan ajaran salah ataupun penyelewengan, tetapi yang sebenarnya dengan kedapatan ajaran yang menyeleweng ataupun ajaran sesat, apakah tindak balas TV untuk menerangkan kepada rakyat melalui Bahagian Agama untuk membetulkan berita-berita ataupun perkara-perkara yang tersebut?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya rasa walaupun ada perkara-perkara ini berlaku, semestinya perkara ini memang jatuh kepada kajian jawatankuasa yang tertentu. Walaupun ada ajaran yang salah, tidak mungkin ianya akan disiarkan dalam televisyen dan ada yang dikeluarkan dalam televisyen menunjukkan bahawa keadaan itu benar belaka. Jadi, kalau adapun yang salah memang dengan sendirinya akan timbul di mana-mana perbahasan agama di televisyen.

Yang kedua, berkenaan masalah penceramah-penceramah agama yang berpengalaman yang dimaksudkan tadi, setakat ini saya tidak dengar ada sebarang masalah dalam pemilihan tokoh-tokoh yang berkemampuan dalam agama dan kalau ada pun dengan sendirinya kita akan mengatahukannya, Tuan Yang di-Pertua.

PENJAJA PERDATANG HARAM DI KUALA LUMPUR

3. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah benar sebahagian dari peniaga kecil di Bandaraya Kuala Lumpur terdiri dari pendatang-pendatang haram. Di atas penglibatan mereka menjadikan kesulitan bagi peniaga kecil bumiputera. Jika benar, berapa jumlah mereka yang telah diberkas dan menjalani hukuman-hukuman berkait dengan kes tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Abu Hassan bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat kira-kira 240 orang penjaja pendatang haram di Bandaraya Kuala Lumpur yang berniaga secara aktif. Kebanyakan penjaja tersebut berniaga di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan di kawasan Datuk Keramat.

Dewan Bandaraya bersama-sama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain iaitu Kementerian Dalam Negeri, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Polis Di-Raja Malaysia Malaysia dan Jabatan Imigresen dari masa ke semasa mengambil tindakan terhadap penjaja-penjaja ini. Tindakan juga diambil ke atas tuan-tuan empunya gerai yang menyewakan gerai-gerai mereka kepada

pendatang-pendatang haram ini. Tindakan penguatkuasaan yang dijalankan terhadap penjaja-penjaja ini dilakukan secara peringkat demi peringkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sehingga bulan November tahun ini sebanyak 1,174 kes rampasan barang jualan daripada penjaja-penjaja ini telah dijalankan. Barang-barang ini ditahan selama 3 bulan dan apabila mereka datang menuntut barang-barang itu, bayaran kompaun yang tinggi dikenakan ke atas mereka.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, setakat ini kompaun yang telah dikenakan kepada mereka itu setinggi-tingginya berapa?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita mempunyai undang-undang kecil berkaitan dengan perkara ini, maka kompaun yang sehabis tinggi yang boleh kita kenakan adalah sebanyak \$500.

Tuan Haji Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan lagi daripada Menteri yang berkenaan berhubung dengan angka-angka peniaga kecil bumiputera yang berniaga di Bandar raya Kuala Lumpur. Tadi pendatang-pendatang haram telah diberitahu angka-angkanya, jadi saya suka mendapat tahu berapa ramai pula peniaga-peniaga kecil bumiputera yang berniaga?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jumlah penjaja-penjaja yang berlesen di Kuala Lumpur adalah seramai 14,287 orang dan lebih kurang 20% daripada mereka adalah terdiri daripada penjaja-penjaja bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

NISBAH DOKTOR UNTUK PESAKIT

4. Tuan Haji Shuaib bin Lazim [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Kesihatan menyatakan mengikut Penyataan Statistik Negara, nisbah untuk seorang doktor ialah bagi 1,000 orang pesakit, sementara dua (2) buah katil yang terdapat di hospital adalah untuk 9,000 orang pesakit. Maka dengan kadar di atas adakah pihak Kementerian sudah berpuas hati dengan kedudukan tersebut, jika tidak, adakah pihaknya bercadang untuk mengambil langkah-langkah segera dan jangka panjang yang telah dan akan diambil bagi memperbaiki keadaan ini.

Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak dapat mengesan statistik yang telah diberikan oleh Yang Berhormat dari Buku Tahunan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perangkaan. Pihak Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kesihatan tidak menyediakan statistik mengenai nisbah doktor untuk pesakit dan nisbah katil bagi pesakit. Walau bagaimanapun, statistik yang sedia ada dan yang juga digunakan oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi tahun 1985 adalah seperti berikut:

- (1) Nisbah doktor untuk penduduk di Malaysia ialah 1 doktor untuk 3,174 orang penduduk.
- (2) Nisbah "acute bed", dengan izin, bagi 1,000 orang penduduk pula ialah 1.41 katil untuk 1,000 penduduk.

Kementerian Kesihatan masih dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki nisbah-nisbah tersebut dari masa ke semasa, dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang lebih sempurna dan menyeluruh lagi.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya: Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Menteri itu. Berkenaan dengan nisbah penduduk, untuk mengira nisbah ini, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan sudahkah Kementerian Kesihatan membuat kajian berapa ramai doktor setiap tahun yang dikeluarkan oleh universiti-universiti kita dalam negeri ini?

Yang kedua, berapa ramaikah pada masa ini doktor-doktor daripada luar negeri yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan?

Yang ketiga, bilakah nisbah satu orang doktor untuk 3,174 orang ini dapat dicapai sepenuhnya?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama berkaitan dengan pengeluaran doktor-doktor daripada universiti tempatan ialah lebih kurang 400 orang doktor, berkhidmat dengan Kerajaan - hampir kesemuanya dapat berkhidmat dan khasnya untuk dua tiga tahun kebelakangan ini ramailah yang dapat berkhidmat dan juga ada angka beberapa banyak untuk melanjutkan pelajaran mereka. Untuk mencapai nisbah yang mana boleh dikatakan 1 doktor kepada 3,000 penduduk, sasaran kami ialah kita berharap sampai 1990 jikalau tidak ada keadaan-keadaan yang luar biasa, kita berharap pada masa itu kita boleh capai sasaran itu, iaitu 1 doktor kepada 3,000 penduduk.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor tiga tidak berjawab. Berapa ramaikah bilangan doktor dari luar negeri yang sedang berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan pada masa ini dan dari mana?

Dato' Chan Siang Sun: Dari mana susah sedikitlah itu, angka yang terperinci, tetapi lebih kurang kita masih ada 30 lebih doktor yang berkhidmat dari luar.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan, saya ingin tahu adakah nisbah tersebut dipakai untuk Wad-wad Bersalin kerana kalau nisbah tersebut digunakan untuk Wad-wad Bersalin nanti dasar 70 juta kita akan gagal.

Dato' Chan Siang Sun: Bila kita sebut hospital tentulah termasuk juga Hospital Bersalin. Jadi bahagian kedua soalan itu saya tidak berapa jelas, saya minta ulang.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang lagi.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak usah jawab.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adakah sampai matlamat Kementerian ini kepada nisbah tadi sebab pemberhentian doktor-doktor Kerajaan yang kita ketahui dan berapa ramai yang meletakkan jawatan dan apa sebab mereka meletakkan jawatan?

Dato' Chan Ciang Sun: Soalan ini saya telah jawab dalam Dewan yang mulia ini. Sebab yang umum sekali doktor-doktor meletakkan jawatan ialah untuk membuka klinik mereka atau bersama-sama dengan rakan-rakan mereka untuk membuka firma perubatan. Jadi ada juga sebahagian beaar disebabkan soal peribadi yang meletakkan jawatan dan inilah dua perkara yang mereka nyatakan bila memberi surat meletakkan jawatan.

Jadi soalan bahagian yang kedua itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Jumlahnya berapa sekarang, up-to-date, how many left the service?

Dato' Chan Siang Sun: Setakat ini, saya fikir kalau ikut tahun-tahun kebelakangan ini barangkali saya minta notis, kalau dapat.

DASAR PANDANG KE TIMUR - MATLAMAT

5. Tuan A. Shaik Dawood minta Perdana Menteri menyatakan kebaikan-kebaikan yang diperolehi oleh negara sejak Kempen Pandang ke Timur dilancarkan tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abdul Ajib bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Dasar Pandang ke Timur adalah merupakan suatu dasar jangka panjang. Matlamat utamanya adalah untuk mencontohi etika kerja yang baik dan positif serta sistem organisasi dan pengurusan orang-orang Jepun dan Korea yang bersesuaian untuk diserap dan dipraktikkan oleh rakyat Malaysia khususnya golongan

pekerja-pekerja. Langkah ini dipercayai boleh menyumbang ke arah kemajuan negara kita. Walau bagaimanapun, proses ini akan memakan masa sebelum kejayaannya dapat dilihat.

Perlaksanaan dasar ini telah membuka banyak peluang latihan dan pengajian tinggi kepada rakyat Malaysia di kedua-dua buah negara tersebut. Peluang-peluang latihan dan pengajian tinggi ini merupakan cara utama di mana nilai-nilai etika kerja, sistem organisasi dan pengurusan Jepun dan Korea dapat dicontohi dan diserapkan oleh golongan pekerja-pekerja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak dasar ini dilaksanakan dalam tahun 1982, seramai 1908 orang pelatih dan pelajar telah dihantar ke Jepun dan Korea mengikut program-program latihan dan pengajian tinggi di kedua ia buah negara tersebut. Berdasarkan maklum balas dan kajian impak yang telah dijalankan setakat ini ke atas bekas-bekas pelatih perindustrian dan teknikal dan juga majikan-majikan mereka menunjukkan bahawa program latihan tersebut telah memberi kesan yang baik dalam mencontohi etika kerja di samping mempelajari teknologi baru yang digunakan di negara-negara tersebut untuk di-praktikkan dalam negara kita ini.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana keberkesanan etika teknologi Jepun yang digunakan di sini dari segi ekonomi dan sosial seterusnya faedah yang diperolehi setakat ini?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kesan-kesan faedah daripada Dasar Pandang ke Timur ini sudah tentulah dapat dinikmati oleh kilang-kilang dan tempat-tempat ataupun di dalam urusan-urusan menjalankan satu-satu perniagaan di mana benar-benar etika kerja ini dijadikan sebagai panduan asas. Di dalam beberapa kilang ataupun tempat-tempat kerja yang telah dibuat sebagai contoh terdapat kesan-kesan yang menunjukkan bahawa produktiviti pekerja-pekerja meningkat, bukan sahaja produktiviti meningkat tetapi juga mutu kerja bertambah baik dan disiplin pekerja-pekerja juga bertambah baik. Pada keseluruhannya, dapatlah kita lihat bahawa faedah-faedah dari segi positifnya dapat kita pertingkatkan di kalangan pekerja-pekerja yang telah mendapat faedah daripada latihan ini.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa kita mula-mula diperkenalkan dengan Dasar Pandang ke Timur ini, kita begitu ghairah mencontohi etika kerja Jepun terutamanya dan juga Korea. Kita lihat kempen yang dijalankan begitu pesat sekali di mana seringkali kita mendengar jabatan-jabatan tertentu sama ada jabatan Kerajaan mahupun jabatan-jabatan swasta mencontohi etika kerja Jepun ini dengan mengadakan senaman di waktu pagi, meayanyi lagu syarikatnya untuk memperkuatkan semangat setia kawan, semangat kekitaan dan juga semangat kekeluargaan dan berbagai-bagai perkara lagi yang dilakukan, sehinggakan kalau saya tidak silap, bahawa RMIK satu ketika dahulu memberikan kursus-kursus belajar bahasa Jepun dan sebagainya. Tetapi dalam masa kebelakangan ini, perkara-perkara ini nampaknya sudah sejuk. Adakah ini bererti etika itu sudah diterima sebegitu rupa, tidak perlu mengadakan kempen lagi ataupun adakah ini menunjukkan kesejukan kita sendiri dari segi menerima Dasar Pandang ke Timur ini?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah seperti mana lazimnya, pada peringkat awal kita memperkenalkan satu-satu dasar baru, publisiti yang luas terpaksa kita berikan untuk memberi kefahaman kepada rakyat jelata tentang dasar-dasar baru yang ingin kita perkenalkan itu. Tetapi sudah tentulah apabila publisiti yang luas telah diberikan dan tempoh masa telah dibenarkan berlalu dan intisari serta konsep satu-satu dasar itu difahami oleh rakyat jelata, maka perlaksanaannya sudah tentulah akan merupakan satu bentuk yang lain. Inilah yang sedang berlaku dan tidaklah bermakna Dasar Pandang ke Timur ini sejuk, tetapi perlaksanaannya diteruskan setelah kita memahami apakah konsep itu yang sebenarnya.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kenapakah Kerajaan kita berkempen Pandang ke Timur? Adakah negara-negara yang lain daripada Timur ini tidak bagus dan tidak boleh ditiru oleh rakyat Malaysia? Kalau tidak bagus, kenapakah Kerajaan kita banyak menghantar penuntut-penuntut ke sebelah Barat?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan tadi Dasar Pandang ke Timur adalah bertujuan untuk meningkatkan produktiviti pekerja-pekerja kita. Setelah kita lihat begitu banyak negara di mana terdapat pekerja-pekerja, kita telah merumuskan bahawa beberapa sikap yang positif berada di kalangan pekerja-pekerja daripada negara Jepun dan juga negara Korea yang mana nyata pada hari ini telah merupakan dua buah negara yang begitu jaya di dalam program pembangunan perindustrian masing-masing dan satu daripada sebab mereka ini berjaya di dalam program pembangunan perindustrian ialah mereka ini mempunyai pekerja-pekerja yang mempunyai etika kerja yang baik, disiplin yang cukup, menitikberatkan soal-soal pekerja masing-masing. Kalau dibandingkan dengan sikap pekerja-pekerja di negara Barat, dapatlah kita lihat bagaimana jauh bezanya pekerja-pekerja ini daripada negara Jepun, daripada negara Korea, misalnya, kalau kita bandingkan dengan pekerja-pekerja daripada negara-negara Barat. Sebab itulah adalah lebih baik bagi kita untuk mencontohi yang baik daripada Timur daripada mencontohi yang kurang baik, pada pendapat kita, daripada pekerja-pekerja daripada negara Barat. Soal sama ada kita menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri ini adalah berasaskan kepada peringkat ilmu pengetahuan yang kita ingin perolehi dan banyak pelajar-pelajar yang kita hantar ke negara Barat adalah untuk mempelajari di peringkat universiti-universiti yang tinggi sedikit

dan selain daripada itu faedah-faedah yang lain yang sedia ada pada kita seperti bahasa dan sebagainya juga membantu dan menggalakan kita untuk menghantarkan pelajar-pelajar kita ke negara Barat.

Tuan Haji ilussein bin Ahmad: Soalan tarabahan. Tuan Yang di-Pertua, memang kita mengakui Dasar Pandang ke Timur telah menghasilkan perkara-perkara yang baik, terutama dari segi perpindahan heavy industry, dengan izin. Sehingga sekarang kita sudah mampu mengeluarkan kenderaan motokar kita sendiri, iaitu Proton Saga. Kita mengakui etika-etika kerja yang ada di negeri Jepun, Korea dan Taiwan adalah baik dicontohi. Sebab itu sekarang ini kita dapati sudah ada negara-negara lain juga yang akan mengikuti jejak kita. Saya difahamkan, sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhottnat Menteri, ramai anak buah kita daripada Nalaysia yang dihantar ke Jepun. Tetapi ada berita-berita yang saya dengar pengakuan daripada orang-orang Jepun sendiri bahawa orang-orang Malaysia yang dihantar ke Jepun jauh lebih rajin, lebih baik daripada orang-orang Jepun sendiri. Cuma barangkali artikanya sahaja sudah menjadi begitu sehati kepada masyarakat Jepun. Oleh yang demikian, pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sudah aktiviti-aktiviti di dalam negeri dilaksanakan bagi melaksanakan etika-etika kerja seperti masyarakat Jepun, umpamanya kepada pekerja-pekerja swasta supaya menaruh perasaan tanggungjawab, sayang, kasih kepada syarikat-syarikat mereka, atau pekerja-pekerja Kerajaan mempunyai rasa tanggungjawab, kasih, sayang kepada Kerajaan mereka?

Apakah tindakan ini telah dibuat di dalam negeri ini sendiri untuk mencontohi dan melaksanakan etika kerja yang ada pada Jepun dan Korea.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengurusannya saya percaya perkara-perkara ini sedang kita jalankan tetapi yang penting bukanlah semata-mata pengurusan terpaksa juga disatukan dengan usaha-usaha kita untuk meningkatkan dari segi commitment pekerja-pekerja itu sendiri. Di dalam hal ini banyak saya percaya yang boleh kita perolehi daripada masyarakat ataupun daripada pekerja-pekerja daripada kedua-dua buah negara yang saya sebutkan tadi lebih-lebih lagi dalam soal suasana pekerjaan masing-masing itu yang masih lagi belum wujud dalam negara kita ini.

Satu daripada perkara yang penting ialah selain daripada soal disiplin, soal-soal etika kerja, soal commitment kepada pencapaian satu-satu kumpulan sumbangan seseorang itu kepada pencapaian satu-satu kumpulan yang mana sentiasa ditekankan di dalam masyarakat Jepun ini. Ini haaya boleh kita perolehi pada masa ini dengan secara berkesan oleh kerana kita ingin memendekkan masa latihan kita itu terpaksa kita cari tempat yang boleh memberi kita latihan yang sedemikian rupa iaitu di negeri Jepun atau negeri Korea.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke-6.

JALAN BALAK DI SABAH

6. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah 8.0.23(2)]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengambil alih lebih awal mana-mana jalan-jalan balak yang dianggap penting untuk perkembangan Sabah, terutamanya jalan-jalan balak yang menghubungkan antara kawasan Pantai Timur Tawau dan Sandakan atau jalan-jalan tersebut akan diambil alih setelah kerja-kerja pembalakan selesai.

Menteri Kerja Raya [Dato' S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak ada cadangan buat masa ini untuk mengambil alih mana-mana jalan balak di negeri Sabah. Kerajaan Persekutuan telahpun memperuntukkan kepada Kerajaan Negeri di bawah peruntukan "state road grant" dengan izin, bagi tujuan membina jalan-jalanraya di negeri masing-masing. Terpujanglah kepada Kerajaan Negeri berkenaan untuk menaikkan taraf jalan tersebut kepada taraf yang lebih baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga ini Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih jalan-jalanraya utama negeri Sabah sepanjang 1,024 kilometer yang menghubungkan bandar-bandar utama. Misalnya bagi kawasan Tawau dan Sandakan, Kerajaan Persekutuan telahpun mengambil alih jalanraya Pantai Timur iaitu Sandakan/Lahat Datu dan Lahat Datu/Tawau sepanjang 267 kilometer. Dan juga membiayai pembinaan beberapa jalanraya pertanian seperti Tawau/Marotai dan juga jalan Sapi/Nangoh.

LULUSAN STPM DARI SARAWAK KE UNIVERSITI

7. **Tuan Hong Kie Yik** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah pelajar-pelajar yang telah lulus STPM daripada Sarawak tidak dapat memasuki pelajaran tinggi dalam tahun 1985. Diminta juga Menteri berkenaan menyatakan adakah beliau sedar atau tidak bahawa kebanyakan mereka yang tidak melanjutkan pelajaran itu adalah daripada keluarga, yang miskin dan tidak ada kemampuan, adakah Kerajaan mengusahakan langkah-langkah untuk mengatasi kesulitan ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Woa See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang menyedari bilangan pelajar-pelajar dari Sarawak ataupun Sabah tidak ramai di universiti-universiti tempatan, Oleh kerana itu, syarat-syarat kemasukan pelajar-pelajar dari negeri-negeri berkenaan telah diturunkan ke peringkat minima supaya lebih ramai dapat diterima masuk,

Walau bagaimanapun, kadar kegagalan dan keciciran mereka di universiti-universiti tempatan adalah tinggi kerana keupayaan pencapaian mereka terhad. Oleh kerana itu, Kementerian Pelajaran sentiasa menjalankan langkah-langkah tertentu di semua peringkat persekolahan untuk meningkatkan prestasi pencapaian mereka.

JABATAN POS - PENSWASTAAN

8. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan kepada betapa pentingnya Jabatan ini kepada rakyat yang mengharapkan perkhidmatan yang cekap dan memuaskan, adakah pihak Kementerian bercadang menswastakan Jabatan Pos ini pada masa akan datang,

18.12.1986

1. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan benarkah seperti yang telah diperkatakan bahawa Jabatan Pos itu akan diswastakan. Jika benar bilakah ianya akan diswastakan dan sudahkah satu kajian terperinci dibuat bahawa dengan penswastakan Jabatan yang berkenaan boleh memberi manfaat kepada rakyat serta mutu perkhidmatan dan kecekapan Jabatan itu dapat dipertingkatkan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya pada 18,12.86 kerana berkaitan dengan perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan di sini bahawa selaras dengan dasar penswastakan Kerajaan, setiap agensi Kerajaan yang mempunyai potensi untuk diswastakan akan dikaji dengan teliti terlebih dahulu sebelum mempertimbangkan kesesuaian menswastakannya.

Dalam hubungan ini, Jabatan Pos sebagai sebuah Jabatan Kerajaan sememangnya telah memberi perkhidmatan kepada rakyat dengan cekap dan memuaskan. Sekiranya melalui penswastaan kelak, perkhidmatan pos ini dijangka oleh meningkatkan kecekapannya, di samping mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan, maka cadangan penswastaan Jabatan Pos juga akan dipertimbangkan secara terperinci oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang adalah terlalu awal untuk menyatakan sama ada Jabatan Perkhidmatan Pos akan diswastakan atau tidak kerana Kerajaan belum lagi menjalankan kajian yang teliti dan terperinci mengenai cadangan menswastakan Jabatan Pos ini.

Puan Hajjah Azizah bin Haji Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana memandangkan fungsi Jabatan Pos ini begitu penting di mana Jabatan Pos juga menerima bayaran bil-bil api atau elektrik, bayaran air, bayaran simpanan Tabung Haji, simpanan BSN, tidakkah pihak Kementerian ini bercadang hendak menambah kakitangan Pos atau menaikkan taraf Pegawai Kerani Rendah kepada Pegawai Kerani atau sebagainya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos khususnya Jabatan Pos sendiri sedar masalah-masalah yang berbangkit. Oleh sebab keadaan kewangan tidak mengizinkan kita tidak bercadang untuk hendak mengadakan tambahan kakitangan. Walau bagaimanapun, satu perancangan telah disusun lebih awal sebelum keadaan kemelesetan ini berlaku iaitu kita akan mengadakan satu bentuk kemudahan dengan menggunakan teknologi baru iaitu dengan menggunakan mesin-mesin komputer kepada lebih kurang 300 Pejabat Pos yang menghadapi kesesakan atau tambahan bayaran bil-bil melalui sistem "Bayaran Bil Setempat" yang dikelolakan oleh Pejabat Pos ini.

Pada tahun hadapan kita akan tempatkan lebih kurang 200 lagi Pejabat-pejabat Pos di seluruh negara dengan sistem komputer yang lebih tersusun dan kita harap dengan pertambahan dan kemudahan ini masalah kekurangan kakitangan di Pejabat Pos khususnya "counter clerk" akan dapat diatasi. Dan sehingga hari ini pun kita percaya kita telah dapat memberi perkhidmatan walaupun penambahan bil-bil yang dibayar kepada Pejabat Pos yang ada.

Tuan Haji Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka mendapat penjelasan lagi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan: (a) berapa banyakkah Pejabat Pos biasa dan (b) Pejabat Pos Bergerak yang sedang berkhidmat di dalam negara kita ini.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi bilangan Pejabat-pejabat Pos ini saya kira banyakkah. Dalam tinjauan saya yang terakhir sebenarnya Pejabat Pos menghadapi bukan sahaja kekurangan kakitangan tetapi menghadapi kekurangan kemudahan-kemudahan lain. Pada bulan lepas saya telah diberitahu bahawa masih terdapat 1300 lebih Pejabat-pejabat Pos yang masih tidak ada kemudahan mesin kira-kira [calculator]. Dan kalau ditinjau daripada 1,000 lebih Pejabat Pos ini saya ingat lebih kurang ada dekat 2,000 Pejabat Pos dan saya tidak dapat memberi berapa banyak Pejabat-pejabat Pos Bergerak. Sekiranya Yang Berhormat Senator berhajat dari segi bilangannya saya pohon supaya notis ini diberi lebih awal.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

9. Tuan G. Rajoo minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah orang yang masih menunggu keputusan permohonan Sijil Kerakyatan sehingga hujung Jun 1986 ini; dan
- (b) tindakan yang diambil untuk mempercepatkan proses membuat keputusan ke atas permohonan-permohonan itu,

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan kewarganegaraan yang sedang diproses oleh Kementerian Dalam Negeri sehingga 27hb Oktober, 1986 ialah 5,733 permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mempercepatkan urusan memproses permohonan taraf kewarganegaraan. Dalam pada itu, Kementerian terpaksa mengkaji, menyemak dan meneliti setiap permohonan kewarganegaraan dengan rapi dan teliti untuk memastikan kesahihan setiap maklumat diberikan oleh pemohon berkenaan.

Proses ini perlu bagi memastikan mereka yang berkelayakan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dianugerahkan taraf kewarganegaraan iaitu satu anugerah yang tertinggi negara ini yang diberikan kepada mereka yang sebelumnya bukan warganegara Malaysia.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah sijil kerakyatan ini memang selalu diperkatakan. Tidakkah boleh Kerajaan menetapkan proses mendapatkan sijil kerakyatan ditetapkan pada suatu tarikh yang tertentu, selepas itu cuma proses memberikan kad pengenalan merah sahaja atau lain-lain yang perlu?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang memahami soalan ini kerana apa yang kita bincangkan ialah sijil kewarganegaraan iaitu kad pengenalan biru.

Tuan Haji Shharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, dari tinjauan Yang Berhormat kepada negara-negara lain agaknya, adakah negara kita ini lebih senang memberikan anugerah warganegara dengan negara-negara lain yang pernah Kerajaan sendiri membuat tinjauan ataupun negara ini susah hendak memberi warganegara atau kita yang paling senang memberi anugerah warganegara?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, susah senang untuk mendapat taraf kewarganegaraan ini terpulang kepada tiap-tiap negara tersebut. Tetapi bagi negara Malaysia, sejak tahun 1970, sebanyak 3,167,107 permohonan yang kita terima telah diuluskan 3,051,054 orang iaitu 99%, yang ditolak hanya 112,000 dan yang masih dalam proses ialah 5,733 permohonan.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Bolehkah Timbalan Menteri memberi kenyataan di sini, daripada negara mana dan bangsa mana yang lebih ramai meminta menjadi warganegara untuk menduduki dalam Malaysia ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod-rekod dari negara manakah pemohon-pemohon ini memohon. Apa yang penting apabila kita telah memberi taraf kewarganegaraan kepada mereka, mereka menjadi warganegara yang taat setia.

Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom: Daripada 3 juta pemohon tadi yang dianugerahkan warganegara 90% lebih, hanya 5,000 sahaja yang ditolak. Pada anggapan saya begitu mudah Kerajaan kita memberikan anugerah warganegara kepada pemohon. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan pendapat saya?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya betulkan. Yang ditolak ialah 112,000 yang masih diproses ialah 5,733. Masalah mudah dan susah ini, susah saya hendak memperkatakan kerana perkara ini terlalu subjektif. Tetapi jikalau sekiranya saya mengikut apa yang dikehendaki oleh Perlembagaan Negara maka kita akan luluskan.

RTM - PENDAPATAN IKLAN

10. **Dato' Dr. K. S. Nijhar** minta Menteri Penerangan menyatakan pendapatan RTM dari Pengiklanan pada tahun yang lalu dan sama ada penswastan RTM akan meningkatkan lagi pendapatan dan jika perkara ini betul, bilakah Bahagian Perdagangan (Commercial) RTM akan di-swastakan.

Tuan Railey bin Jeffrey: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendapatan RTM dari pengiklanan dalam tahun 1985 telahpun dilaporkan kepada Dewan yang mulia ini pada 4hb April, 1986. Jawapan ini diberi kepada soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli yang sama. Tetapi sebagai rujukan semula, jika Yang Berhormat ingin tahu boleh jagalah saya sampaikan di sini sekali lagi. Hasil daripada pengiklanan melalui TV dan Radio pada tahun 1985 ialah sebanyak \$91.1 juta atau dipecahkan seperti berikut \$82.9 juta daripada TV dan \$8.2 juta daripada Radio.

Seterusnya berkenaan faedah, faedah penswastan yang pertama ialah bahawa ia boleh mengurangkan perbelanjaan Kerajaan tanpa menjejaskan perkhidmatan yang diberi. Soal mendapat keuntungan kepada Kerajaan sendiri adalah soal yang kedua dan keuntungan itu akan datang daripada keuntungan yang didapati oleh pihak swasta yang menyelenggarakan khidmat-khidmat berkenaan. RTM memang boleh mendapat sedikit keuntungan daripada segi itu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan penswastan ini setakat ini Kementerian telah menerima 4 permohonan untuk mengambil alih urusan pengiklanan TV Malaysia. Walau bagaimanapun cadangan-cadangan ini masih lagi dalam peringkat kajian oleh Kementerian Penerangan.

KAKITANGAN HOSPITAL - PEMINDAHAN

11. **Tuan Tay Chee King** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandang bahawa beliau telah mengumumkan bahawa rancangan pindahan jururawat-jururawat dan atendan-atendan hospital dari satu hospital ke hospital lain mengikut keperluan sesuatu hospital akan dijalankan:

- (a) kriteria untuk menentukan keperluan kakitangan-kakitangan sesuatu hospital;
- (b) adakah pihak Kementerian menimbangkan masalah-masalah yang akan diakibatkan daripada pindahan keluar kakitangan-kakitangan dari sesuatu hospital misalnya dari Hospital Daerah Kluang; dan
- (c) adakah pihak Kementerian menimbangkan kesusahan dan masalah-masalah yang akan dihadapi oleh kakitangan-kakitangan yang kena dipindah keluar.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Petua, jawapan

- (a) Kriteria untuk menentukan keperluan kaki-tangan-kakitangan sesuatu hospital adalah berdasarkan kepada:
 - (i) struktur wad;
 - (ii) bebanan kerja; dan
 - (iii) unit-unit khas yang ada
- (b) Pemindahan keluar kakitangan dilaksanakan bagi memastikan tidak adanya pembaziran tenaga kerja disatu-satu hospital berdasarkan kriteria yang telah disebutkan tadi. Masalah yang mungkin timbul ialah keengganan kaki-tangan-kakitangan berkenaan untuk dipindahkan dari hospital-hospital yang berkenaan walaupun perkhidmatan mereka lebih diperlu di tempat lain.
- (c) Pertukaran adalah merupakan sebahagian daripada prinsip perkhidmatan. Ini bermakna seseorang yang memasuki perkhidmatan Kerajaan mestilah bersedia untuk ditukarkan di mana perkhidmatan mereka lebih diperlukan. Walau bagaimanapun Kementerian ini memang mengambil kira kesusahan-kesusahan yang mungkin timbul daripada perpindahan tersebut, Justeru itu beberapa kriteria telah dikenalpasti sebelum perpindahan dilaksanakan untuk mengurangkan kesusahan tersebut. Kriteria berkenaan ialah:

- (i) status perkahwinan di mana keutamaan untuk menempatkan kakitangan yang telah berkahwin di tempat-tempat yang berhampiran dari tempat asal berbanding dengan kakitangan yang masih bujang;
- (ii) masalah kesihatan kakitangan berkenaan atau keluarganya kakitangan tersebut;
- (iii) untuk menjaga ibu bapa yang uzur; dan
- (iv) memastikan pegawai yang dipindahkan mempunyai kemudahan untuk berulang-alik dari rumah ke tempat kerja.

PELAN PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU

12. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sama ada kesemua Kerajaan Negeri telah mengemukakan pelan-pelan mereka untuk perkembangan pelbagai Kampung-kampung Baru dalam negeri mereka. Jika ada, apa tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian terhadap pelan-pelan tersebut; dan
- (b) menyatakan apa sumbangan-sumbangan atau cadangan-cadangan yang telah atau akan dibuat oleh Kementerian terhadap persediaan Pelan Struktur Seremban, khususnya berkenaan Kampung-kampung Baru.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan;

- (a) Kerajaan-kerajaan Negeri tidak perlu mengemukakan pelan-pelan pembangunan kampung-kampung baru untuk kelulusan Kerajaan Persekutuan. Ini kerana pembangunan kampung-kampung

baru adalah juga sebahagian daripada bidang tugas dan bidang kuasa Kerajaan Negeri yang berkenaan. Walau bagaimanapun, satu kajian awalan mengklasifikasikan kampung-kampung baru telah dibuat oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana kampung-kampung baru telah dikelaskan kepada tiga kategori berasaskan kedudukannya sama ada di bandar, separuh bandar atau luar bandar, saiz penduduk dan tahap pembangunan kampung baru. Ketiga-tiga kategori yang berkenaan ialah:

- (i) kampung baru sebagai Pusat Pertumbuhan Ekonomi;
- (ii) kampung baru sebagai Pusat Bandar Kecil; dan
- (iii) kampung baru sebagai penempatan manusia yang sempurna.

Ekoran daripada itu laporan-laporan kajian awal klasifikasi ini telahpun dikemukakan kepada Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia dan setakat ini semua negeri telahpun memberi maklumbalas terhadap laporan-laporan ini.

Untuk pengetahuan Dewan ini pembangunan Kampung Baru kini sedang diselaraskan pelaksanaannya dengan pembangunan kampung-kampung tradisi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian kedua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyumbang sumber tenaga kerja dalam penyediaan Pelan Struktur Seremban kepada Majlis Perbandaran Seremban. Deraf Pelan Struktur Seremban telahpun dibentang dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Sembilan.

Polisi-polisi dan cadangan-cadangan awam yang terkandung dalam Deraf Pelan Struktur tersebut menitikberatkan dalam mengarahkan pembangunan kepada kawasan-kawasan yang kurang teratur. Dan yang mana sejumlah besar penduduk-penduduknya berpendapatan rendah termasuk kampung-kampung baru.

Agensi-agensi pelaksanaan awam dan badan-badan swasta, akan digesa supaya memberi galakan dan sokongan dalam menyedia dan memperbaiki kemudahan-kemudahan sosio ekonomi dan juga infrastruktur ke kawasan-kawasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 22 adalah diberi di Lampiran "A"]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERPUSTAKAAN NEGARA
(PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.43 ptg,**

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan [Tuan Wang Choon Ming]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perpustakaan Negara tahun 1972, dibacakan bagi kali kedua sekarang,

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dikemukakan ini yang mengandungi pindaan-pindaan kepada Akta yang saya maksudkan tadi adalah dinamakan sebagai Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1986.

Saya percaya Akta yang dikemukakan ini akan mendapat sokongan semua pihak, kerana pindaan-pindaan kepada Akta Perpustakaan Negara tahun 1972 telah dibuat dengan tujuan untuk mencerminkan tujuan dan peranan Perpustakaan Negara Malaysia, dengan jelas dan sesuai dengan kehendak semasa.

Sukacita saya jelaskan di sini bahawa Akta Perpustakaan Negara tahun 1972 yang ada sekarang telah berkuatkuasa selama hampir 14 tahun. Dalam tempoh itu terdapat perkembangan-perkembangan dalam bidang perpustakaan yang memerlukan beberapa peruntukan dalam Akta tersebut dikemaskinikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan secara ringkas peruntukan-peruntukan penting yang terkandung dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan ini. Rang Undang-undang ini mengandungi 8 Fasal sahaja.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memberi tafsiran kepada beberapa istilah. Salah satu istilah penting ialah definisi kepada istilah sumber-sumber perpustakaan yang mengandungi segala bahan perpustakaan termasuk manuskrip dan bahan bercetak, bahan pandang dengar, bahan mikroform dan sebagainya, yang diterbitkan di dalam dan di luar negeri, penggunaan definisi term sumber-sumber perpustakaan telah diutamakan bagi menggantikan term bahan perpustakaan yang sedia ada memandangkan term ini bertujuan mengandungi skop yang lebih luas.

Fasal 3 bertujuan bagi menunjukkan dengan lebih jelas mengenai maksud-maksud dan tujuan-tujuan Perpustakaan Negara.

Dengan pindaan ini tujuan utama Perpustakaan Negara adalah untuk menyediakan bagi kegunaan generasi masakini dan akan datang sesuatu koleksi kebangsaan sumber-sumber perpustakaan memudahkan penggunaan di seluruh negara ke atas sumber-sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negeri dan menyediakan kepimpinan atas perkara-perkara berkaitan dengan perpustakaan.

Fasal ini juga menyentuh tentang pengurusan dan pengawasan Perpustakaan Negara serta kuasa-kuasa Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, sebagai sebuah perpustakaan yang bertempat di kemuncak sistem Perpustakaan di dalam negara ini, Perpustakaan Negara Malaysia perlu memperluaskan skop fungsinya supaya ianya dapat memainkan peranan penting dalam penyelarasan sumber-sumber perpustakaan di semua peringkat dalam negara ini.

Pindaan yang dicadangkan ini akan memasukkan ciri-ciri baru seperti berikut:

- (i) Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Kebangsaan bagi sumber-sumber perpustakaan bertujuan untuk memelihara semua terbitan mengenai Malaysia dalam negara ini;
- (ii) Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Bibliografi Kebangsaan bagi tujuan mewujudkan rangkaian bibliografi dan Pengkalan Data Kebangsaan bagi sumber-sumber perpustakaan dan maklumat di negara ini;
- (iii) Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Manuskrip Melayu bagi tujuan memperolehi, mengenalpasti dan mendokumentasi manuskrip Melayu dalam dan luar negeri;
- (iv) Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat tumpuan bagi sistem maklumat kebangsaan; dan
- (v) Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat kebangsaan bagi pinjaman dan pertukaran sumber maklumat,

Di bawah fasal yang sama Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab, antara lain, untuk menggalakkan dan menyelaraskan perkembangan dan penggunaan sumber-sumber perpustakaan untuk memajukan rangkaian perpustakaan awam dan perpustakaan khusus di seluruh negara, selaras dengan piawaian-piawaian tertentu dan untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan rujukan, maklumat, referral, reprografi dan pinjaman.

Fasal 4 dan 5 antara lain menyentuh tentang keanggotaan Lembaga Penasihat serta peraturan mengenai mesyuarat Lembaga.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta adalah berupa pindaan-pindaan yang berbangkit atau pindaan kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, atas asas-asas pertimbangan yang saya kemukakan itu, saya memohon dengan hormatnya mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Perpustakaan Negara 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. K.S. Nijhar.

3.50 ptg.

Dato' Dr. K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran bercakap mengenai meminda Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1986. Dengan homatnya saya ingin merujuk kepada pindaan Akta Perpustakaan Negara yang sedang dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan penuh Akta tersebut. Pada amnya cadangan-cadangan pindaan baharu ini sudah tentu menggambarkan cadangan yang akan membawa manfaat kepada institusi Perpustakaan Negara Malaysia dan akan memperkokohkan lagi pengurusan perpustakaan dan juga hal ehwal yang berkaitan dengan bidang perpustakaan.

Tuan Yang di-Pertua, memandang Akta Perpustakaan Negara pertama kali dikuatkuasakan pada tahun 1972, pindaan Akta Perpustakaan Negara tahun 1986 merupakan hasil pengalaman dan perkembangan Perpustakaan Negara dewasa ini iaitu sepanjang 14 tahun lalu. Jadi, dalam konteks ini pihak Kerajaan sudah pun melaburkan wang dan lain-lain sumber untuk kebaikan rakyat jelata dan negara kita. Mungkin kini adalah satu masa yang sesuai pihak Kerajaan meninjau beberapa objektif dan fungsi yang telah dinyatakan dalam Akta tersebut dengan tujuan meneliti sama ada prestasi dan imej Perpustakaan Negara seimbang dengan objektif-objektif yang telah ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, komen pertama saya ialah objektif utama Perpustakaan Negara Malaysia menyatakan bahawa tanggungjawab terpenting adalah membina satu koleksi di peringkat kebangsaan untuk penggunaan di seluruh negara dan memudahkan access kepada sumber-sumber maklumat tersebut yang merupakan sejenis sumber

negara yang ternilai. Walau bagaimanapun, apa yang saya perhatikan imej Perpustakaan Negara Malaysia lebih mementingkan sebagai sebuah Perpustakaan Awam. Banyak peruntukan, kemudahan, perkhidmatan tenaga manusia dan lain-lain disalurkan kepada kehendak orang ramai di kawasan Wilayah Persekutuan dan kadangkala bertindihan dengan perkhidmatan Perpustakaan Awam yang diberi oleh Bandaraya dan lain-lain agensi yang terdapat di kawasan Kuala Lumpur dan sekelilingnya.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya adakah patut bagi Perpustakaan Negara Malaysia berperanan sebagai Perpustakaan Awam, Saya mengesyorkan institusi ini dikekalkan sebagai sebuah institusi yang sebenar-benar menemui objektif-objektif utama yang telah dinyatakan dalam Akta dan memberi keutamaan kepada peranannya menjadi tunjang utama negara dari segi koleksi, perkhidmatan rujukan dan maklumatnya seperti mempertingkatkan pengeluaran bibliography negara Malaysia dan index-index koleksi Malaysian supaya penyibaran maklumat dapat diperluaskan lagi demi untuk kegunaan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu beban perkhidmatan Perpustakaan kepada orang ramai harus dipertanggungjawabkan kepada pihak Bandaraya supaya ini tidak akan terjadi satu penyelewengan kepada objektif-objektif utama Akta Perpustakaan Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, komen kedua saya ialah berkaitan dengan Seksyen 4(2)(i). Pindaan ini merupakan satu pindaan yang bernas. Walau bagaimanapun, pihak Perpustakaan Negara Malaysia harus berhati-hati dari segi cara meimplimentasikan penubuhan rangkaian perpustakaan khusus dalam konteks perpustakaan-perpustakaan yang ada sedia di Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan. Adalah

lebih berkesan sekiranya Perpustakaan Negara Malaysia dapat memainkan peranan yang lebih efektif dari segi menyelaraskan seluruh maklumat di antara perpustakaan-perpustakaan tersebut supaya maksud perkongsian sumber maklumat betul-betul boleh tercapai di peringkat kebangsaan sebelum kita ke peringkat antarabangsa,

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Perpustakaan Negara Malaysia mengendalikan akim gunasama, Saya mengesyorkan kakitangan-kakitangan professional yang akan ditempatkan di perpustakaan-perpustakaan khusus ini diberi pendedahan dan lebih-lebih lagi panduan yang sesuai oleh pihak Perpustakaan Negara Malaysia. Apa yang saya maksudkan di sini ialah pendedahan dan panduan kepada pengurusan Perpustakaan Khusus mengikut procedure yang telah ditetapkan oleh jentera pentadbiran Kerajaan, sudah tentulah langkah ini akan memberi prestasi perkhidmatan Perpustakaan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, komen ketiga saya ialah berkaitan dengan Seksyen 4(2)(1). Saya ingin tahu apakah implikasi pindaan ini. Adakah ini menjadi pentindihan dengan agensi lagi yang telah menjalankan kursus-kursus untuk meninggikan profesionalisme di kalangan kakitangan berikhtisas. Berhubung dengan perkara latihan bagi kakitangan ikhtisas dalam bidang perpustakaan, pihak Perpustakaan Negara Malaysia mesti menggunakan hasil kajian mengenai keperluan tenaga manusia yang dijalankan oleh kajian sains perpustakaan dan maklumat Institut Teknologi MAKA baharu-baharu ini dengan kerjasama UNESCO. Dalam apa juga perancangan, keperluan tenaga manusia di peringkat kebangsaan pihak berkenaan mesti menyelaraskan kemudahan-kemudahan pendidikan dan latihan yang sedia ada supaya pentindihan tidak berlaku. Apatah lagi pada masa ini Kerajaan kita sedang mengalami keadaan kemerosotan ekonomi dan kekurangan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyatakan bahawa walaupun usia Perpustakaan Negara Malaysia 14 tahun tetapi imejnya sebagai sebuah Perpustakaan Negara tidak dikenali. Saya berharap pihak Kerajaan dapat mempercepatkan lagi pembinaan bangunan Perpustakaan Negara Malaysia yang telah dirancang sejak beberapa tahun yang lalu. Juga saya harap pihak Kerajaan dapat memberi sokongan penuh kepada Perpustakaan Negara Malaysia dalam semua perancangan untuk memajukan imejnya sebagai sebuah Perpustakaan Negara yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya lagi sekali menyokong Akta tersebut dan berharap Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini dapat memberikan pandangan mereka mengenai Akta tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

4.00 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-Undang meminda Akta Perpustakaan Negara 1972 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Seperti sedia maklum, pindaan-pindaan kepada Akta Perpustakaan Negara 1972 dibuat dengan tujuan mencerminkan peranan Perpustakaan Negara Malaysia dengan jelas dan sesuai mengikut kehendak masa. Akta Perpustakaan Negara telah herkuatkuasa selama 14 tahun dan dalam tempoh ini terdapat perkembangan-perkembangan di dalam bidang perpustakaan yang memerlukan beberapa peruntukan dalam Akta tersebut dikemaskinikan. Pindaan ini adalah suatu tindakan yang wajar dan tepat mengikut keadaan zaman yang moden **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tujuan dan maksud suatu Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan di negara ini. Tujuan dan maksud penubuhan Perpustakaan Negara adalah:

- (i) Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- (ii) memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber-sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negeri; dan
- (iii) mengadakan kepimpinan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai hasrat, matlamat dan tujuan penubuhan Perpustakaan Negara ini, beberapa perkara penting perlulah diambil-kira agar Perpustakaan Negara ini benar-benar mencerminkan

kekayaan warisan kebudayaan dan kesusasteraan negara yang berbilang kaum di negara ini. Koleksi sumber perpustakaan hendaklah dibuat dengan seluas-luasnya untuk mendapatkan bahan-bahan yang berguna, yang boleh menjadi bahan-bahan rujukan dan kajian bagi generasi muda yang akan datang,

Dalam aspek ini, saya ingin menyentuh bahawa tulisan, karya, cerpen, bahan kajian dan lain-lain lagi yang dihasilkan oleh penulis-penulis tanahair sama ada dalam Bahasa Malaysia, bahasa Cina, bahasa India atau bahasa Inggeris hendaklah dikumpulkan ke dalam Perpustakaan Negara. Hasil penulis ini hendaklah disimpan dalam bentuk asal karya itu, untuk menjaga originalitinya di samping penterjemahan karya dan hasil itu dibuat dalam Bahasa Malaysia untuk memahami ciri-ciri kekayaan budaya oleh rakyat berbilang kaum di negara ini. Fungsi begini akan benar-benar mencerminkan warisan intelek kesusasteraan dan kebudayaan negara yang berbilang kaum di negara ini. Pada masa ini terdapat banyak tulisan oleh penulis tempatan bahasa Cina, bahasa India dan bahasa Inggeris di samping Bahasa Malaysia yang mempunyai nilai yang tinggi dari segi moral, rohani, intelek dan kesusasteraan yang boleh digunakan selaku bahan perpustakaan negara. Saya berharap Kerajaan akan berusaha mengumpulkan segala hasil penulisan ini untuk digunakan dalam Perpustakaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara adalah untuk memudahkan penggunaan sumber-sumber perpustakaan di seluruh negara. Fungsi utama Perpustakaan Negara hendaklah seharusnya memudahkan penubuhan rangkaian perpustakaan awam di seluruh negara. Pada masa ini perpustakaan hanya terdapat di bandar-bandar besar dan mempunyai "access", dengan izin, kepada golongan-golongan tertentu sahaja. Terdapat beberapa perpustakaan

persendirian dan perpustakaan dikelolakan oleh Perbadanan Awam Negeri di bandar-bandar kecil dan kampung di negara ini akan tetapi peranan dan fungsi mereka sangat terhad dan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh badan-badan ini tidak dinikmati dengan sepenuhnya oleh rakyat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya bercadang Perpustakaan Negara hendaklah berusaha menubuhkan cawangan negara serta decentralisekan kemudahan perpustakaan agar rakyat luar bandar juga menikmati perkembangan dan faedah Perpustakaan Negara. Dalam aspek **ini**, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini, untuk mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah mengkaji kemungkinan meluaskan perkhidmatan perpustakaan bergerak ke ladang-ladang getah di seluruh negara. Pekerja-pekerja ladang hendaklah diberi peluang memperkembangkan pengetahuan mereka agar mereka memahami dasar-dasar Kerajaan dan mempunyai pengetahuan yang keseluruhannya. Kerajaan hendaklah memberi peluang supaya berlaku perkembangan ilmu yang seimbangan di antara rakyat terutamanya di kawasan-kawasan pendalaman seperti ladang-ladang dan kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang keanggotaan Lembaga Penasihat yang dicadangkan dalam pindaan Rang Undang-Undang ini. Saya yakin dan percaya apabila melantik anggota Lembaga Penasihat, Yang Berhormat Menteri akan mengambil-kira aspek representasi semua kaum yang pakar dalam bidang kesusasteraan dan kebudayaan masing-masing. Selain daripada pakar kesusasteraan dari Sabah dan Sarawak, pakar kesusasteraan rakyat keturunan India dan Cina hendaklah juga seharusnya akan raenganggotai Lembaga tersebut selain daripada pakar-pakar kesusasteraan dan kebudayaan Melayu.

Dengan harapan murni **ini**, saya menyokong pindaan Rang Undang-

undang Akta Perpustakaan Negara 1972. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Puan Mazidah.

4.05 ptg.

Puan Mazidah Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta di dalam perbahasan mengenai usul untuk meminda Akta Perpustakaan Negara 1972 ini.

Saya kira apa juga pindaan yang hendak kita buat terhadap apa juga Akta sewajarnya mendapat sokongan jika dari segi pemindaan, tujuan-tujuan suatu Akta itu, umpamanya dalam perkara ini penubuhan Perpustakaan Negara sendiri dapat dijelaskan dengan sejelas-jelasnya untuk difahami dengan sebaik-baiknya dan juga jika pindaan yang dibuat itu bertujuan untuk mengemaskinikan dan memberikan kesan yang lebih baik dari segi pengurusanannya. Saya kira di dalam meminda Akta Perpustakaan ini tujuan-tujuan tersebut telahpun kita dengar daripada Yang Berhormat Menteri dan oleh itu sewajarnya pindaan Akta Perpustakaan Negara 1972 ini disokong oleh Dewan ini.

Ada beberapa perkara yang ingin saya perkatikan yang saya rasakan mungkin mempunyai kaitan secara langsung ataupun tidak langsung dengan Akta yang mahu dipinda di Dewan ini. Perkara yang pertama yang ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan Fasal 4(2)(d) (ii), iaitu penabuhan Perpustakaan Negara sebagai pusat bibliografi negara untuk menyelenggarakan rangkaian bibliografi kebangsaan, pengkalan data bibliografi kebangsaan dan penyediaan perkhidmatan bibliografi dan dokumentasi kebangsaan. Yang keduanya yang kaitan dengan perkara yang akan saya perkatikan ini ialah Fasal 4(2)(e), iaitu menyediakan perkhidmatan rujukan, maklumat,

perujukan reprografi dan pinjaman. Ketiganya yang ada juga kaitan dengan perkara yang akan saya perkatakan ialah Fasal 4(2)(f) untuk menyediakan kemudahan-kemudahan di dalam Perpustakaan untuk membolehkannya berfungsi sebagai:

- (i) titik tumpuan negara bagi sistem maklumat negara;
- (ii) pusat kebangsaan bagi pinjaman dan pertukaran sumber-sumber perpustakaan untuk menggalakkan ketersediaan terbitan-terbitan di peringkat kebangsaan dan sejagat.

Mengenai perkara ini, saya ingin mengambil perhatian daripada pihak Kementerian tentang kedudukan, iaitu saya sebenarnya ingin mengetahui tentang kedudukan satu projek pengumpulan data-data yang dijalankan yang mungkin semasa ini tidak ada kait-mengait dengan Perpustakaan Negara sendiri, tetapi saya mengemukakan perkara ini dengan harapan ianya dapat dipertimbangkan untuk dijadikan sebagai salah satu perkara yang boleh diambil tindakan oleh pihak Perpustakaan Negara. Perkara ini ialah mengenai projek, dengan lain, 'Clearing House for Women in Development' iaitu satu projek Asean Women's Programme yang dikendalikan melalui NACI ID, pada ketika ini. Tetapi oleh sebab beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan oleh kerana beberapa masalah yang timbul, maka projek 'Clearing House for Women in Development' ini ataupun dalam pengertian Bahasa Malaysianya "Pusat Pengumpulan dan Penyiaran Maklumat-maklumat Bahan-bahan Penyelidikan" dan lain-lain perkara yang berkaitan terutamanya dengan peranan wanita di dalam pembangunan, projek ini dikendalikan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Jadi, oleh kerana masalah-masalah yang terpaksa dihadapi oleh pihak NASIWID melalui Unit Urusetia Wanita, program ini terpaksa diletakkan ataupun dikendalikan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada ketika ini. Dalam pada itupun, jika tujuan penubuhan perpustakaan ialah untuk pengumpulan bahan-bahan yang boleh menjadi bahan-bahan rujukan, sama ada dari segi maklumat dan penyibarannya, saya ingin tahu sama ada dapat dipertimbangkan atau tidak projek ini diambilalih oleh Perpustakaan Negara daripada badan yang mengelolakannya pada ketika ini. Di samping itu, jika boleh saya ingin mendapat maklumat dari segi kemajuan projek ini sendiri dan sebenarnya apakah masalah-masalah yang dihadapi hingga pada ketika ini kita jarang-jarang sangat mendengarkan tentang koleksi mengenai wanita ini yang dilakukan.

Sehubungan dengan ini, saya juga ingin mendapat penjelasan tentang usaha-usaha penyelarasan yang dilakukan oleh Perpustakaan Negara mengenai bahan-bahan koleksi ini, sama ada dalam bentuk bibliographi, mahupun dari segi bahan-bahan rujukan mengenai segala apa juga penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan, khususnya mengenai wanita yang terdapat di berbagai-bagai pusat penyelidikan dan institusi di negara ini. Adakah penyelarasan ini dibuat dan di manakah bahan-bahan ini dikumpul secara keseluruhannya, iaitu penyelidikan-penyelidikan sepertimana yang dilakukan oleh SERU umpamanya, oleh ISIS, oleh Universiti Malaya melalui projek HAWAny dan lain-lain lagi yang ada kaitannya dengan apa yang cuba dilakukan dari segi penubuhan Perpustakaan Negara ini?

Selain daripada perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil perhatian mengenai Fasal IV ini tadi, iaitu ceraian (2)(h) apa yang dinyatakan di dalam Akta ini, iaitu

menggalakkan dan memudahkan penubuhan sistem perpustakaan awam seluruh negara selaras dengan piawai-piawai kebangsaan bagi mengadakannya. Dalam perkara ini saya menyokong usul ini kerana selain daripada Perpustakaan Negara memainkan peranannya sebagai tempat koleksi, oleh kerana kita kekurangan sangat perpustakaan-perpustakaan awam maka tugas ini sememangnya harus diambilalih oleh Perpustakaan Negara buat ketika ini.

Dalam perkara ini, saya juga ingin mendapat penjelasan tentang kedudukan unit-unit Perpustakaan Bergerak yang ada di negara **ini**, yang satu masa kita sering mendengar tentang perkara **ini**, tetapi dari segi pengurusannya, kekesanannya kepada kumpulan-kumpulan sasaran di mana Perpustakaan-perpustakaan Bergerak ini memberikan khidmatnya jarang-jarang kita mendapat penerangannya. Jika boleh pihak Kementerian memberikan maklumat ini tentang berapa unit ini sebenarnya yang ada pada masa ini dan di manakah kawasan-kawasan yang telah menerima khidmat Perpustakaan Bergerak ini dan bagaimana dari segi kekesanannya.

Seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah mengenai Fasal 4(2)(1), iaitu menyediakan latihan untuk meninggikan profesionalisme dalam perkara-perkara perpustakaan. Ini saya anggap amat penting sekali kerana salah satu daripada perkara yang jarang-jarang mendapat keutamaan kita pada masa ini dan pada masa yang sudah-sudah ialah mengenai pembacaan, mengenai penggunaan perpustakaan dan sebagainya. Ini amat wajar kita pertingkatkan pada ketika kita mahu menggalakkan pembacaan di kalangan masyarakat. Mengenai perkara ini saya ingin tahu juga dari pihak yang berkaitan apakah rancangan-rancangan latihan yang telah ada ataupun yang sedang dilakukan

ataupun yang akan dilakukan dari segi perancangannya, dari segi melatih bukan sahaja dari segi latihan kepada ahli-ahli perpustakaan yang berkaliber tinggi, tetapi sekurang-kurangnya dari segi latihan kepada kumpulan-kumpulan persatuan-persatuan sukarela dan sebagainya yang mungkin berminat untuk menubuhkan perpustakaan-perpustakaan kecil di tempat masing-masing, kerana saya kira seringkali sesuatu perpustakaan di peringkat-peringkat kampung umpamanya, di peringkat peringkat komuniti dan sebagainya itu jarang-jarang mendapat sambutan yang baik kerana tidak adanya kakitangan sukarela yang terlatih yang dapat menjalankan walaupun dia mahu menjalankannya secara sukarela pun, saya kira kita perlu mengambil perhatian dari segi melatih mereka ini. Banyak sekali umpamanya penubuhan perpustakaan-perpustakaan kecil yang boleh kita lakukan melalui KEMAS, melalui persatuan-persatuan sukarela dan saya kira kalau ada usaha melatih mereka ini, maka sudah tentu tujuan kita menyematkan minat rajin membaca, minat mahu menggunakan perpustakaan dengan cara yang sebetulnya, saya rasa akan mendapat kejayaan sebagaimana yang dirancangkan.

Mengenai latihan ini juga jika sekiranya oleh kerana sebab-sebab seperti keadaan ekonomi meleset dan sebagainya yang kita hadapi sekarang ini, mungkin menjadi sebab mengapa kita tidak dapat menjalankannya, saya ingin menyarankan kemungkinan pihak Perpustakaan Negara menggerakkan latihan-latihan secara sukarela ini dijalankan melalui, kalau saya tidak salah, persatuan perpustakaan kita ada di negeri ini yang mungkin dapat digerakkan atau digunakan untuk menjalankan latihan-latihan ini tadi.

Sehubungan dengan **ini**, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang satu perkara yang amat jarang-jarang sekali diambil kira ataupun mahu diberikan tumpuan yang serius oleh kita semua, orang ramai, mahupun pihak Kerajaan, iaitu kedudukan perpustakaan di sekolah-sekolah. Mungkin ini di luar bidang tugas ataupun bidang yang diliputi oleh usaha-usaha dan kerja-kerja Perpustakaan Negara sendiri, tetapi oleh kerana bidang perpustakaan ini semestinya ada kaitan di antara satu dengan lain, maka amat wajar sekiranya pihak-pihak yang tertentu mengambil perhatian tentang kedudukan perpustakaan-perpustakaan di sekolah-sekolah.

Kita sering membangkitkan di Dewan ini tentang ceteknya pengetahuan yang diketahui, yang diterima oleh anak-anak kita melalui sistem persekolahan dan sebagainya dan saya kira salah satu sebabnya ialah dari segi pembacaan dan pemahaman, dari segi meluaskan pandangan, meluaskan ilmu pengetahuan anak-anak kita seringkali pembacaan itu ditumpukan kepada membaca buku-buku sekolah semata-mata, sama ada buku rujukan dan sebagainya. Tetapi jika sekiranya penambahan kepada pembacaan yang diasaskan kepada buku-buku sekolah ini dapat dibuat dengan memberikan bahan-bahan rujukan tambahan ataupun buku-buka dan maklumat-maklumat yang dibaca melalui koleksi yang terdapat di perpustakaan-perpustakaan sekolah sendiri, saya kira kesannya akan lebih baik daripada apa yang kita lihat pada hari **ini**. Oleh kerana **itu**, saya ingin menyarankan kemungkinan kedudukan perpustakaan-perpustakaan di sekolah-sekolah ini, terutama sekali di sekolah-sekolah luar bandar harus juga diambil perhatian yang serius pada ketika kita mahu mempertingkatkan dan mahu menggalakkan ramai membaca di kalangan anak-anak kita.

Yang anehnya yang kadang-kadang dikesali ialah dalam soal perpustakaan di sekolah-sekolah ini selalunya bagi sekolah-sekolah yang besar, yang telah lama tertubuh, terutama sekali sekolah-sekolah di bandar kemungkinan masalah perpustakaan sekolah ini tidak begitu meruncing, tidak mungkin merupakan masalah yang tidak begitu berat; tetapi saya berpendapat di kampung-kampung, di kawasan-kawasan luar bandar memang perpustakaan sekolah ini langsung tidak mendapat apa-apa perhatian daripada mana-mana pihak sekalipun dari segi keutamaan memberikan bantuan dan sebagainya, kita lebih banyak menumpukan kepada perkara-perkara lain daripada menentukan koleksi yang baik untuk perpustakaan-perpustakaan sekolah. Ibu bapa rajin melakukan sesuatu untuk memungut derma melalui Walkathon, melalui Pasaria-pasaria dan sebagainya untuk membesarkan dewan, untuk memperbaiki perkelilingan, kadang-kadang untuk mendirikan pagar-pagar baru di sekolah dan sebagainya, tetapi jarang-jarang kita dengar galakan yang dibuat untuk mengumpul wang, mengisi tabung-tabung yang di-khususkan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan koleksi perpustakaan-perpustakaan di sekolah-sekolah. Dengan itu, saya ingin menyarankan supaya perkara ini diambil perhatian yang lebih serius oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Seperkara lagi yang juga saya rasa ingin kita ambil perhatian ialah tentang Perpustakaan Bimbingan yang diadakan. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Perpustakaan Negara, kalau saya tidak salah, yang telah bekerjasama dengan pihak Bandaraya untuk menubuhkan dua Perpustakaan Bimbingan untuk kanak-kanak di Wilayah Persekutuan **ini**, iaitu satu yang tedapat di Jalan Tun Abdul Razak

dan yang satu lagi pusatnya di Taman Tun Dr. Ismail. Kedua-dua Perpustakaan Bimbingan kanak-kanak yang ditubuhkan diselenggarakan secara usaha sama antara Perpustakaan Negara dan Bandaraya ini adalah amat baik sekali dan patut dicontohi oleh bandar-bandar lain juga. Dia memberikan kesan yang begitu baik, telah berjaya menarik minat kanak-kanak dan dengan bangganya boleh kita jadikan sebagai satu contoh, apa yang dapat kita lakukan untuk memajukan dan menyematkan minat membaca dan juga berusaha melalui aktiviti-aktiviti yang adakan di Perpustakaan-perpustakaan Bimbingan ini.

Malangnya seperti juga dengan perkara-perkara lain, perkara yang elok ini hanya kita tumpukan kepada masyarakat yang telah sedia elok, iaitu di kawasan-kawasan bandar, yang tanpa adanya Perpustakaan Bimbingan yang sedemikian ini pun memang mempunyai pilihan-pilihan lain untuk mendapat khidmat dan mendapat apa juga yang dapat diberikan oleh Perpustakaan Bimbingan **ini**, iaitu kalau anak itu tinggal di bandar-bandar, kemungkinan ia mempunyai pilihan-pilihan lain dari segi mendapatkan khidmat membaca dan sebagainya **ini**.

Juga kita dapati banyak daripada kanak-kanak yang ibubapanya yang telah memang telah sedar daripada kalangan keluarga menengah yang menggunakan kemudahan-kemudahan Perpustakaan Bimbingan ini secara berkesan. Oleh itu bagaimana pula dengan keadaan di tempat-tempat yang tidak menerima khidmat yang sedemikian ini. Adakah pihak Kerajaan mempunyai rancangan-rancangan yang sama untuk diadakan Perpustakaan Bimbingan kanak-kanak sepertimana yang terdapat di Kuala Lumpur ini bagi kawasan-kawasan luar bandar atau adakah ini harus dikendalikan oleh badan-badan lain pula. Jika ianya harus

dikendalikan oleh badan-badan lain, saya rasa peranan yang dapat dimainkan oleh Perpustakaan Negara ke arah penubuhan pusat yang sedemikian di tempat-tempat lain harus diambil perhatian juga.

Sebagai mengakhiri hujah-hujah ini, saya ingin mengambil perhatian dari segi pindaan seksyen 5 tentang perlantikan Ahli-ahli Lembaga Perpustakaan.

Seperti yang kita sedia maklum, Jabatan Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat yang terdapat di Institut Teknologi MARA adalah merupakan satu Jabatan yang tunggal. Ini sahaja satu Jabatan yang kita dapati di negara ini yang memberi latihan ataupun kursus-kursus mengenai perpustakaan ini kepada penuntut-penuntutnya. Tetapi apa yang saya difahamkan ialah walaupun ini merupakan satu Jabatan yang ada kait mengait dengan perpustakaan yang terdapat di negara ini dari segi perlantikan Ahli-ahli Lembaga Perpustakaan itu sendiri tak seorang pun daripada kakitangan ataupun pensyarah ataupun ketua Jabatannya sendiri, iaitu daripada Jabatan Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat di ITM ini diambil ataupun dilantik sebagai salah seorang ahli Lembaga Perpustakaan itu.

Saya merasakan amat wajar jika sekiranya salah seorang daripada kakitangan ataupun maha guru daripada Jabatan ini turut dilantik di dalam Lembaga Perpustakaan ini kerana melihat relevannya peranan yang dimainkan oleh Jabatan ini dari segi menghasilkan ahli-ahli perpustakaan kita dan ada kaitannya saya kira di segi menentukan kemajuan dan perkembangan perpustakaan itu sendiri. Jika ini belum dilakukan, saya ingin menyarankan perlantikan salah seorang daripada kakitangan ataupun sesiapa juga yang dapat mewakili Jabatan Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat di ITM ini dipertimbangkan oleh pihak Kementerian.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong penuh pindaan kepada Akta Perpustakaan Negara kita ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Puan Aionon binti Ariffin, selepas Itu Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim.

4.06 ptg.

Puan Aionon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai pindaan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perpustakaan Negara 1972.

Sesungguhnya kita semua di Dewan ini patut benar mengalu-alukan dan memberikan tahniah kepada pihak yang berkenaan yang telah menyedari beberana kelemahan-kelemahan kepada Akta ini yang telah selama 14 tahun tidak dipinda atau diambil perhatian berat bagi meningkat dan meninggikan imej serta pencapaian matlamat yang lebih positif kepada perpustakaan di negara kita sesuai dengan kemajuan dan kepesatan pembangunan di negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua pindaan-pindaan yang dikemukakan ini nampaknya amat bertepatan sekali dengan matlamat-matlamat bagi memajukan, bagi meninggikan dan bagi meninggalkan kekesanan yang baik dari peranan institusi Perpustakaan Negara itu sendiri. Yang sebenarnya kita dengar juga rungutan, kita dengar juga beberapa komen-komen yang menunjukkan sehingga ini kita belum puas hati lagi dengan peranan institusi yang agak penting iaitu Perpustakaan Negara di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara-perkara yang saya ingin sentuh telah disentuh oleh sahabat saya. Oleh itu, saya akan

menyentuh perkara-perkara lain yang belum lagi disentuh oleh beliau sebentar tadi.

Perkara-perkara yang ingin saya komen sebelum menyokong penuh pindaan-pindaan Akta ini ialah mengenai Bahagian II (2) (iii);

"Pusat Kebangsaan bagi manuskrip Melayu untuk perolehan, pendokumentasian dan penggunaan manuskrip-manuskrip Melayu;"

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya inilah perkaranya yang di-nanti-nantikan oleh generasi kita yang ada dan ia mempunyai faktor terpenting bagi meningkatkan lagi kefahaman-kefahaman generasi-generasi akan datang mengenai manuskrip Melayu ini kerana terdapat beberapa kekeliruan, kesilapan mungkin sama ada, sengaja atau tidak sengaja kerana mungkin kekurangan bahan-bahan pembacaan atau bahan-bahan dokumentasi daripada manuskrip-manuskrip Melayu itu sendiri.

Adalah diharapkan setelah nanti Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan oleh pihak-pihak yang kasihkan kepada negara dan kepada sejarah perkembangan bangsa di negara kita ini dan dengan bimbingan serta galakan yang diberikan oleh Perpustakaan Negara kita akan dapat menarik perhatian dan akan dapat menimbulkan satu kesedaran kepada penulis-penulis sejarah di tanahair kita ini atau kepada mereka yang berminat untuk mengkaji, menyelidik, menyiasat semula kepada perpustakaan lama, manuskrip-manuskrip Melayu yang ada, sama ada perlu barangkali diselidiki semula, diperbetulkan dan barangkali dibuat kajian yang benar-benar mendalam supaya ianya benar-benar berkembang, benar-benar dapat menjelaskan, menerangkan menjadi bahan rujukan kepada sejarah yang terjadi sebenarnya.

Saya mencadangkan supaya ahli-ahli kaji sejarah, penulis-penulis tanahair mengadakan satu hadan atau gabungan mereka yang berkenaan untuk khusus mengkaji dan menulis semula atau membanyakkan lagi penulisan-penulisan mengenai perkara yang saya sebutkan tadi iaitu pendokumentasian dan penggunaan manuskript-manuskript Melayu ini. Jadi tidaklah lagi nanti generasi kita akan datang membuat rujukan bacaan-bacaan kepada buku-buku yang merupakan dongeng sejarah sahaja. Katalah umpamanya riwayat Hang Tuah. Kita faham dan kita tahu riwayat itu telah tidak sesuai dengan perkembangan fikiran kemajuan bangsa Melayu itu sendiri dan ianya merupakan hanya satu imiginasi kepada penulis-penulis di zaman itu. Boleh jadi kita tidak lagi mahu mendewakan Hang Tuah sebagai Panglima Melayu, sebagai seorang yang benar-benar meninggalkan kesan sejarah yang tinggi kepada perkembangan kebudayaan dan manusia yang bernama Melayu atas beberapa faktor cerita dongeng sejarah itu sendiri yang mungkin kebanyakannya boleh memalukan kita sendiri.

Banyak sudah ahli-ahli sejarah kita termasuklah teater group, penulis-penulis bijaksana kita yang telah berpendapat bahawa antara Hang Tuah dengan Hang Jebat, Hang Jebatlah yang sebenarnya patut didewakan atau dijadikan sebagai satu contoh teladan kepada sejarah kekuatan, kemasyhuran, kewibawaan sedang Panglima di negara atau di Empayar Melayu di abad yang ke 14-15 tersebut.

Harapan saya semoga adanya pindaan ini dan ada juga dikatakan di situ perkara yang berkaitan, pihak-pihak berkenaan akan mengambil perhatian untuk membetulkan, mengkaji semula dan menulis secara detail dan menjadikannya bahan perpustakaan untuk rujukan yang berkesan dan benar-benar bererti dan tidak menyeleweng atau tidak hanya berpandu kepada dongeng sejarah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Seperkara lagi saya ingin menyentuh ialah seksyen 4(2) (j) ia-itu berbunyi: "menggalakkan dan memudahkan kerjasama kebangsaan dan antarabangsa dan perkongsian sumber di antara perpustakaan". Ini sangatlah baik dan ini boleh memberikan lagi satu kemajuan kepada perkembangan perpustakaan di negara kita. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini sampai di manakah perkembangan dan kemajuan kepada kerjasama kebangsaan dan antarabangsa dan perkongsian sumber di antara perpustakaan ini telah kita capai. Kalau ianya masih lagi belum di tahap yang sempurna, berilah perhatian berat kepada perkara ini kerana ini merupakan satu unsur sihat dan merupakan faktor terpenting kepada perkembangan dan kemajuan perpustakaan, peranan Perpustakaan Negara itu sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara lain yang hendak disentuh ialah mengenai 4(2) (k) yang berbunyi: "mengusaha dan memudahkan penyelidikan dalam perkara-perkara mengenai perpustakaan;". Ceraian ini berkaitan dengan apa yang saya syorkan tadi, mengusaha dan memudahkan penyelidikan dalam perkara-perkara mengenai perpustakaan sangat penting. Mungkin kemajuan perpustakaan di negara kita ketika ini nampaknya tidak begitu lancar. Maksud saya tidak begitu tinggi mutunya atau tidak begitu berkesan perannya, maka usaha-usaha ini boleh mengatasi masalah kelembapan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin juga menyentuh ialah mengenai 4(2)(m) yang berbunyi: "Menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca". Menggalak dan memudahkan, Tuan Yang di-Pertua. Kita telah banyak kali mendengar, kita juga berdepan dengan masalah bahawa peningkatan kemajuan pelajaran atau ilmu pengetahuan di negara kita ini tidak begitu lancar, laju dan tidak begitu setaraf dengan pembangunan-pembangunan dalam bidang lain, kerana tabiat suka membaca amat kurang di kalangan rakyat kita.

Tidak kita nafikan kemungkinan orang-orang yang tinggal di bandar atau ibu bapa yang mempunyai kesedaran yang mendalam mengenai pengetahuan hanya boleh didapati lebih kurang 60% daripada pembacaan. Terdapat sifat tidak gemar membaca ini berlaku di lapisan-lapisan masyarakat yang di luar daripada peringkat masyarakat yang saya katakan tadi. Kita telah banyak membuat kajian kenapa tabiat tidak gemar membaca ini kian subur di kalangan rakyat kita. Adakah kerana kita kekurangan bahan-bahan bacaan atau kerana kita tidak menyedari hakikat bahawa membaca itu sesuatu yang sangat baik bagi makanan jiwa dan juga pencapaian ilmu pengetahuan atau kerana sistem persekolahan kita yang tidak dapat hendak mencapai kepada tahap minat yang tinggi untuk membaca.

Kita telah mengatakan berbagai-bagai kempen yang berkaitan dengan menarik minat suka membaca. Salah satu kempen yang terkenal di negara kita ini ialah Gerakan Membaca atau Kempen Membaca. Jawatankuasa-jawatankuasa ditubuhkan di peringkat Kerajaan, di peringkat badan-badan sukarela, di peringkat kumpulan-kumpulan masyarakat. Banyak usaha-usaha telah dibuat ke arah menarik perhatian rakyat negara ini supaya gemar membaca, supaya mereka dapat meng'educate'kan atau membimbing diri mereka sendiri menjadi rakyat yang berpengetahuan, menjadi rakyat yang banyak mengetahui segala perkembangan melalui pembacaan. Tetapi hasilnya masih lagi dipersoalkan, sebab kempen berkenaan masih lagi diteruskan dan nampaknya kempen itu daripada dahulu sejak tahun tujuh puluhan rancaknya seperti irama rock tetapi selepas itu pada tahun lapan puluhan slow sedikit, seolah-olah seperti irama 'soul' pula, dan sehingga kini rasa saya bertambah layu kempen itu.

Baru-baru ini peringkat Wilayah Persekutuan sendiri telah bermesyuarat untuk membentuk satu lagi Jawatankuasa Gerakan Membaca peringkat Wilayah, di mana sebelumnya lain orang Pengerusinya, tidak bergerak, kemudian cuba dilantik seorang lain untuk menggerakkan kempen ini.

Inilah yang menjadi kemuskilan kepada saya dan mungkin kepada semua orang yang kasihkan bahawa membaca itu satu sumber penting bagi meningkatkan pengetahuan rakyat. Apabila ada di sini galakan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca, ertinya ada kemudahan akan diberikan, ada berbagai-bagai persediaan akan disediakan dari aspek menyediakan bahan-bahan bacaan kerana itu yang agak kurang dari segi kempen ini, kita harap kempen ini berjalan lancar. Mungkin juga untuk menarik minat kepada mereka kepada gemar membaca ini, alat-alat pandang dengar perlu digunakan dengan seluas-luasnya. Mungkin lari maksudnya. Kenapa alat pandang dengar? Pada hal kita hendak membaca. Bila alat pandang dengar, ertinya tidak membaca. Kita dengar melalui pandangan, melalui pendengaran, kita akan faham apa-apa yang hendak dibentangkan. Tetapi kita hendak menarik minat kepada pembacaan. Maksud saya, dengan menggunakan alat-alat pandang dengar, kempen-kempen ini kita perhebatkan supaya minat-minat untuk membaca ini dapat diselaraskan dengan matlamatnya.

Selain daripada itu persediaan-persediaan bahan-bahan bacaan. Di sinilah terletnya peranan perpustakaan. Saya juga bersetuju dengan sahabat saya sebelum ini, bahawa Perpustakaan Bergerak ini perlu diperbanyakkan dan dikemaskinikan kerana sekarang ini beberapa kelemahan terdapat dari segi perlaksanaannya dan kemudian bahan-bahan bacaannya ini dipertingkatkan, dipelbagaikan dan juga diselaraskan dengan perkembangan masa, dengan perkembangan kemajuan-kemajuan di tanahair kita sendiri. Saya mengharapkan perkara 4 (2) (iii) (m) ini juga diberikan perhatian keutamaan dalam pelaksanaan Akta selepas dipinda ini nanti.

Yang terakhir saya ingin menyentuh ialah 4 (2) cerai 3(o)

iaitu berbunyi:

"bekerjasama dengan badan-badan iktisas dan lain-lain badan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi perkembangan perpustakaan."

Syabaslah, mungkin dengan gerakan yang begini, sekali lagi kita akan berjaya mencapai matlamat melalui perpustakaan, kita dapat meningkatkan pengetahuan dan dapat memberikan rakyat kita ini bahan-bahan bacaan, kemudahan-kemudahan untuk membaca untuk kepentingan mereka yang akan memberikan pulangan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu mengenai Lembaga, seperti yang disebutkan di dalam Akta ini juga, Di sini disebutkan bahawa Mesyuarat Lembaga sekurang-kurangnya hendaklah setahun sekali. Sekurang-kurangnya setahun sekali, ertinya Lembaga ini boleh bermesyuarat setahun sekali paling kurang. Kalau tidak tiga tahun sekali atau empat tahun sekali. Rasa saya, sekurang-kurangnya setahun sekali, "lama bonar", kata orang Negeri Sembilan. Kalau sudah setahun sekali baru hendak bermesyuarat, macam mana kita hendak membetulkan segala perkara-perkara yang mungkin timbul ataupun hendak memperbaiki segala kesulitan, masalah, kelemahan daripada kedudukan Perpustakaan Negara itu sendiri. Eloklah Lembaga ini bermesyuarat kerap sedikit, ertinya tidaklah setahun sekali tetapi biar sekurang-kurangnya 6 bulan sekali kerana masalah Perpustakaan Negara pun masalah penting juga dan orang-orang yang tinggal di situ nanti adalah mereka yang pakar, yang berminat, yang faham mengenai hal ehwal perpustakaan.

Biarlah mereka itu bekerja kerap kali sedikit. Kalau setahun sekali **ini**, kadang-kadang minit yang dahulu pun sudah lupa. Hendak ulang balik pun sudah tidak berapa ingat. Kalau ada ditanya dalam

masa setahun, mungkin dia terpaksa berkata, "tunggu dahululah, saya lihat minit, sebab sudah 8 bulan tidak bermesyuarat".

Tuan Yang di-Pertua, atas beberapa saranan, teguran, pandangan saya tadi, maka dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perpustakaan Negara 1972 Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ujang. Selepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

4.45 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perpustakaan Negara 1972.

Setelah diteliti dan dikaji, maka kita dapati bahawa Akta ini amat mustahak dan amat baik untuk membuatkan satu pindaan di mana Akta ini telah diwujudkan pada tahun 1972 dan sekarang sudah berumur 14 tahun. Setelah dikaji dan dilihat dan diperhatikan bahawa beberapa perkara harus dimasukkan dalam Akta ini untuk menolong bagi memperbaiki lagi perjalanan dan untuk menjayakan hasrat Kerajaan menubuhkan Perpustakaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dimaklumi bahawa membaca adalah satu tugas wajib bagi manusia untuk memahami semua permasalahan dalam penghidupan manusia itu sendiri, kerana konsep membaca ini adalah diwajibkan kepada manusia sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah Taala - Perintah membaca ini telah diberikan secara langsung oleh Allat s.w.t. pada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w., kerana dengan cara membaca, manusia akan dapat memahami tentang

alam, tentang apa yang ada yang berlaku bukan sahaja sejak manusia itu mengerti dan faham tentang alam, malahan dengan membaca ini, manusia akan dapat diberikan pengetahuan dan keilmuan sejak sebelum lagi dunia ini dicipta oleh Allah s.w.t.

Dengan penjelasan ini dapat kita faham dan mengerti bahawa manusia ini akan tetap duduk dalam alam kejahilan, tidak akan dapat menerima apa-apa perubahan sekiranya mereka itu tidak melibatkan diri di dalam pembacaan, Pembacaan yang dimaksudkan di sini ialah pembacaan yang berlunaskan kepada pengetahuan dan keilmuan. Apa bentuk, cara, sama ada pembacaan itu sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat rakan saya tadi, dongeng atau tidak dongeng, ataupun cerita-cerita lama ataupun sumber-sumber pembacaan yang boleh membangkitkan pemikiran manusia, ataupun pembacaan-pembacaan yang dapat diterima terus dan diperakui kepada manusia bahawa keilmuan itu benar dan betul. Saya rasa kedua-duanya ini mempunyai kaitan dan mempunyai hubungan sama ada cerita itu benar atau tidak, kerana dengan itu dapat manusia memikirkan yang mana satu yang munasabah dan boleh diterima.

Dengan hakikat itu, saya tidaklah bermaksud untuk menyentuh satu persatu tentang Akta ini kerana saya dapati rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang begitu teliti nampaknya dalam mengkaji perubahan ataupun pindaan Akta ini maka saya hanya menyebut tentang tujuan-tujuan perpustakaan ini diwujudkan.

Saya percaya dan yakin bahawa tujuan ditubuhkan perpustakaan ini ialah untuk membekalkan semua pihak, bukan sahaja prang di bandar atau orang luar bandar, malahan semua lapisan sama ada lapisan yang diagak tidak perlu lagi membaca ataupun lapisan yang baru hendak ajar membaca. Kerana bahan-bahan perpustakaan ini adalah menyeluruh dan tidak pula menekankan dalam sesuatu keadaan ataupun sebagaimana yang telah disentuh tadi tidaklah menunjukkan bahan-bahan untuk satu-satu kaum atau satu-satu bangsa atau satu-satu agama. Malahan penekanan harus diberi berbentuk keilmuan dan pengetahuan.

Jadi, dengan sebab itu, saya kata tujuan perpustakaan ini diwujudkan ialah untuk memberi dan membekalkan manusia dengan penambahan maklumat dan ilmu pengetahuan.

Jadi dari segi apa yang saya lihat dan saya tengok, banyak perpustakaan ini mati di tengah jalan sama ada perpustakaan itu dari anjuran pihak mana, tidaklah menjadi persoalan. Yang menjadi persoalan bahawa perpustakaan itu tidak dapat diatur ataupun tidak dapat diwujudkan mengikut keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang boleh menarik minat untuk orang suka kepada perpustakaan ini.

Satu perkara yang saya nampak, contoh yang saya hendak beri ialah perpustakaan awam yang wujud, Perpustakaan Awam yang wujud di peringkat daerah ataupun perpustakaan yang wujud dengan kenderaan bergerak atau Perpustakaan Bergerak, minat pegawai-pegawai yang

menyelenggarakan perpustakaan itu saya tidak nampak. Tidak ada ke-sungguhan untuk memberikan galakan ataupun memberikan panduan kepada orangramai ataupun pengunjung-pengunjung ke perpustakaan itu. Umpamanya, kalau kita katakan Perpustakaan Bergerak, kadang-kadang apabila diletakkan kereta itu di satu-satu kawasan maka tidak ada satu bimbingan yang diberikan kepada pengunjung-pengunjung perpustakaan itu ataupun mereka yang hendak membuat pinjaman buku. Sebab bukan semua orang faham dan bukan semua orang tahu tentang menggunakan bahan bacaan yang baik. Sepatutnya ada panduan yang diberikan oleh pegawai-pegawai itu dengan cara kesungguhan mereka untuk memandu orang yang datang mengikut peringkat.

Umpamanya, kalaulah yang datang itu orang yang sedikit tua dan berfahaman agama misal contoh, maka dia akan menyogokkan kepada yang datang itu iaitu dia kata "Pak Haji, saya rasa kitab ini baik kalau Pak Haji baca sebab isi-isinya ini ialah menekankan tentang akidah ataupun tentang membetulkan jawapan berhubung dengan Hadis yang baru dikeluarkan baru-baru ini yang menjadi masalah masyarakat, ada disebut dalam jawapan ini. "Itu contoh. Kemudian si Pak Haji yang datang itu akan dapat berfikir," Oh! ini saya mahu pinjam buku ini." Barulah satu maksud berjaya. Jadi maknanya pegawai-pegawai yang terlibat dalam menyelenggarakan perpustakaan ini haruslah faham tentang buku-buku yang dipasarkan melalui perpustakaan ini supaya buku itu dapat dinikmati dan sampai kepada matlamatnya. Kadang-kadang kita tengok pula buku-buku itu tidak ada langsung boleh dibaca dan tidak menimbulkan minat. Sebab kebanyakan buku-buku itu tidak mencerminkan kepada perubahan keilmuan dan maklumat yang baru. Dengan sebab itu kadang-kadang saya nampak buku-buku itu dia berubah sendiri, hilang cahayanya di tempat dia sendiri dengan tidak payah dipegang oleh orang. Kesudahannya buku-buku itu musnah oleh kerana keadaan yang semacam itu.

Oleh sebab itu, saya suka menyarankan melalui Akta ini manakala kita tekankan masalah perbekalan buku-buku perpustakaan ini lebih banyak, maka akan melibatkan kewangan yang lebih banyak. Maka saya suka menyarankan supaya pertukaran maklumat dan pertukaran bahan bacaan ini dari satu perpustakaan ke satu perpustakaan harus dilakukan. Maknanya ada pembaharuan dari satu masa ke satu masa, umpamanya, enam bulan sekali kita tukarkan buku perpustakaan yang ada itu seperti Perpustakaan A ini ke Perpustakaan B, dan B ke C dan sebagainya. Jadi bila datang orang-orang yang suka membaca ini, dia tengok benda baru maka dia akan berfikir, "Oh! ini buku baru." Dengan sebab itu, saya katakan tadi pegawai-pegawai ini mestilah bertanggungjawab memaklumkan maklumat ini kepada pengunjung-pengunjung perpustakaan itu. Kalau dia membisu sahaja dengan dia tidak tahu apa-apa, cuma depannya hanya satu buku untuk meminjam dan balikkan buku, itu sahaja yang ada pada dia, lain tidak ada, ini saya rasa kegagalan tujuan asal perpustakaan itu diwujudkan.

Yang keduanya ialah panduan-panduan ini juga perlu kita berikan, kalau boleh dalam kursus sivik yang pernah diadakan dimasukkan satu sivik bagi memimpin keluarga yang suka membuat perpustakaan kecil di ruang-ruang rumah mereka. Kadang-kadang kita ini banyak buku, banyak bahan, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan Negara inilah yang paling banyak buku. Saya sudah naik letih hendak bawa balik, terlampau banyak. Ada orang menganggap buku-buku ini tidak berguna dia kata. Buat apa dibawa balik, tinggalkan sahaja. Kalau hukum bakar, hukum bakarlah, tidak payah dibawa balik. Tetapi ada orang terlalu berminat dengan buku-buku yang dibekalkan ini, kerana kalau kita hendak nilai harganya bukan harganya lagi sebab bawa balik, manakala kita buat penyusunan dengan rapi, ini akan dibaca oleh generasi yang akan datang. Tetapi Ahli-ahli Dewan Negara

inipun agak saya belum ikut kursus macam mana hendak buat buku ini. Dia suruh bawa balik sahaja.

Sepatutnya Ahli-ahli Yang Berhormat ini diberi kursus buat perpustakaan di rumah bentuk ini, macam ini, macam ini penyusunannya, barangkali mungkin juga digalakkan. Kalau dimasukkan dalam 10 kotak, di susun dalam rumah tidak ada apa maknanya. Sebab saya kata demikian kerana manakala buku ini kita letak balik di atas meja sengaja kita sepah-sepahkan begitu, ada anak-anak yang minat membaca buku-buku ini, dia kata, banyak buku yang baiklah, ayah. Kita kata kita pun tidak tahu, sebab kita tidak baca.

Jadi dia tengok, kalau macam ini boleh disimpan dan boleh dibuat perpustakaan. Jadi, rasa saya bukan kita hendak tekankan di sini tentang Perpustakaan Negara yang hebat, yang besar, duduk di pusat-pusat negeri.

Tujuan kita ialah untuk mengumpulkan maklumat-maklumat seberapa banyak yang boleh dan pertukaran maklumat-maklumat antarabangsa, Ini agak saya sudah sampai kepada satu peringkat yang paling tinggi. Ini sudah sampai kepada peringkat yang tidak boleh kita hendak kata Iqra', "bacalah olehmu", tidak payah lagi, fasal dia memang sudah datang minat membaca. Yang kita hendak masukkan di sini ialah untuk menimbulkan minat iaitu orang yang tidak mahu membaca, suka membaca. Apa caranya, maka kita kena bentuk.

Kalaulah tadi Yang Berhormat rakan saya menyebutkan ada kempen membaca, gerakan gemar membaca, tetapi kesinambungan kempen ini tidak ada apa pun. Jadi, inilah yang kita nampak kita buat dengan melaksanakan pembukaan kempen membaca menggunakan belanja banyak, gunakan tenaga banyak dalam satu hari kempen itu, tetapi hasilnya tidak ada, tidak timbul banyak. Cuma yang saya nampak orang yang suka baca kalaulah pembacaan itu boleh menghairahkan nafsunya mereka, itu suka. Sebab itu gambar besar-besar buat, tulis sedikit, gambar besar. Itu teropong pun pasanglah besok. Yang lain tidak nampak. Dengan sebab itu, saya tidak menyentuh tentang catatan-catatan yang ada di sini tetapi manakala saya nampak benda-benda ini kita faham dan kita dapat tahu, tujuan diwujudkan ini semua, perubahan-perubahan yang dibuat, kemudian pindaan-pindaan Akta ini dilakukan untuk melahirkan satu khazanah, yang boleh menampung keperluan-keperluan dan maklumat-maklumat bagi keturunan-keturunan yang akan datang dan dapat diminati oleh rakyat semua lapisan.

Saya mencadangkan supaya beberapa kursus bagi melahirkan kesukaan manusia kepada gemar mewujudkan perpustakaan ini supaya khazanah-khazanah yang ada pada kita ini dapat kita kumpulkan, biarpun perpustakaan itu kecil tetapi menarik dan datang minat. Jadi, dengan sebab itu saya ringkaskan perbahasan saya ini dan saya ucapkan terima kasih. Oleh kerana itu saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Akta Perpustakaan 1972, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

5.05 ptg.

Tuan Wang Choong Wing: Tuan Yang di-Pertua, dari ucapan-ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, nyatalah Akta Perpustakaan Negara Tahun 1972 itu sudah tidak sesuai lagi kerana ianya telah lama dan tidak merangkumi terbitan-terbitan baru seperti bahan-bahan pandang dengar dan bahan-bahan microfilm.

Berkenaan dengan tugas-tugas Perpustakaan Negara Malaysia juga dari semasa ke semasa menjadi lebih penting dan harapan rakyat, juga harapan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Perpustakaan Negara Malaysia juga semakin meninggi. Maka memang sudah sampai masanya bagi Kerajaan meminda Rang Undang-undang yang lama itu supaya skopnya lebih luas dan tugasnya lebih jelas. Sebentar tadi memang banyak soalan-soalan yang telah dikemukakan, saya tidak ingin menjawab soalan-soalan itu satu persatu, tetapi saya ingin menjawab secara keseluruhannya.

Berkenaan dengan masalah yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato Dr. K.S. Nijhar berkenaan dengan Perpustakaan Negara Malaysia peranannya kadangkala semacam Perpustakaan Awam, itu adalah tidak berapa benar. Perpustakaan Negara Malaysia walaupun ada meminjamkan

buku-buku kepada orang ramai seperti Perpustakaan Awam tetapi selain daripada itu Perpustakaan Negara Malaysia juga ada memainkan peranan sebagai Perpustakaan Negara. Misalnya, Perpustakaan Negara memang menyediakan bibliography, katalog-katalog dan lain-lain dan menyelaraskan antara perpustakaan-perpustakaan di dalam negara ini.

Berkenaan dengan perpustakaan bergerak, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, bagi Perpustakaan Negara mempunyai 3 buah perpustakaan bergerak iaitu di Wilayah Persekutuan. Tetapi selain daripada itu, Perpustakaan Awam Negeri juga mempunyai perpustakaan-perpustakaan bergerak masing-masing. Misalnya, di Kedah mempunyai 4 buah perpustakaan bergerak, Kelantan 1, Melaka 2, Negeri Sembilan 2, Pahang 2, Perak 2, Perlis 2, Pulau Pinang 2, Selangor 13, Terengganu 6, Sabah 6, Sarawak belum lagi mempunyai perkhidmatan perpustakaan bergerak.

Selain daripada itu, agensi-agensi lain yang mempunyai perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan bergerak ialah FELDA. Bilangan yang ada sekarang ialah 7 buah van dan bas mini.

Berkenaan dengan menubuhkan satu Pusat Kebangsaan bagi Manuskrip-manuskrip Melayu, memang telah ditubuhkan di bawah Perpustakaan Negara Malaysia untuk bertanggungjawab mengesan dan mengenalpasti manuskrip Melayu dalam apa jua bentuk yang terdapat di dalam koleksi perseorangan atau institusi dari dalam dan luar negeri. Memperolehi manuskrip Melayu sama ada dalam bentuk asal atau salinan di mana jua berada. Mendokumentasi, menyelenggara katalog induk dan menerbitkan bibliography berkaitan dengan manuskrip Melayu. Memelihara manuskrip koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dan juga koleksi orang perseorangan. Menyediakan kemudahan-kemudahan menyimpan dan menyalin manuskrip Melayu. Menyediakan kemudahan penyelidikan manuskrip Melayu.

Berkenaan dengan pinjaman dan pertukaran sumber-sumber, dengan wujudnya pengkalan data induk kebangsaan di Perpustakaan Negara akan memudahkan usaha ke arah perkongsian sumber maklumat di antara perpustakaan.

Kerjasama antara perpustakaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di dalam menyediakan bahan perpustakaan untuk kegunaan bersama dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi melalui sistem pinjaman antara perpustakaan.

Berkenaan dengan menggalak dan memudahkan penubuhan sistem perpustakaan awam di seluruh negara selaras dengan piawai-piawai kebangsaan, saya ingin memberitahu sejak dari tahun 1970 lagi Perpustakaan Negara Malaysia telah memberi bantuan merupai geran tahunan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri untuk memajukan Perpustakaan Awam Negeri. Bantuan kewangan diberi untuk membina, mengubahsuai bangunan perpustakaan, memperolehi alat-alat kelengkapan perpustakaan, memperolehi bas Perpustakaan Bergerak dan membina koleksi buku. Walaupun bantuan kewangan ini diberikan, masih terdapat kemajuan yang tidak seimbang di kalangan Perpustakaan Awam Negeri.

Peruntukan seperti di atas perlu diadakan supaya dapat Perpustakaan Negara Malaysia memainkan peranan yang lebih efektif dalam menentukan perkhidmatan Perpustakaan Awam Negeri mencapai tingkat piawai yang ditetapkan serta memastikan kemajuan Perpustakaan-perpustakaan Awam Negeri ini adalah seimbang di seluruh negara.

Berkenaan dengan latihan-latihan yang diberikan kepada pegawai-pegawai di agensi-agensi Kerajaan atau di pihak swasta, saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa latihan-latihan seperti ini memang dari masa ke semasa ada disediakan atau diberikan untuk Perpustakaan Negara kepada pegawai-pegawai yang berkenaan dan pihak Perpustakaan Negara juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-

agensi Kerajaan yang lain ataupun institusi-institusi yang lain seperti ITM dalam bidang menjalankan kerja sebagai Perpustakaan Negara atau sebagai Perpustakaan Awam,

Berkenaan dengan Clearing House for Women in Development di bawah NACIWID, buat masa ini Perpustakaan Negara memberi bantuan dalam projek ini dengan memberi butiran-butiran bibliography. Untuk mengambil-alih projek ini, ia boleh dipertimbangkan hanya apabila Perpustakaan Negara mempunyai komputer pada masa yang akan datang.

Berkenaan dengan koleksi-koleksi penyelidikan dari SERU atau lain-lain, di bawah Akta Penyerahan bahan perpustakaan, Perpustakaan Negara menerima segala terbitan dalam negara. Pindaan Akta iaitu Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan akan memberi kuasa kepada Perpustakaan Negara untuk mendapat bahan-bahan penyelidikan yang bercetak atau yang tidak bercetak.

Berkenaan dengan perpustakaan di sekolah, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa perpustakaan di sekolah-sekolah itu adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Pelajaran, tetapi bagi pihak Perpustakaan Negara usahasama sedang dijalankan dengan pihak sekolah pinjaman berkelompok juga diberikan kepada Perpustakaan Sekolah.

Berkenaan dengan pertukaran maklumat atau buku di antara perpustakaan-perpustakaan, pertukaran bahan-bahan perpustakaan sememangnya dijalankan di antara perpustakaan-perpustakaan bukan sahaja jadi peringkat kebangsaan, daerah atau tempatan tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Berkenaan dengan kempen membaca, kursus membaca atau gerakan membaca, Persatuan Perpustakaan Malaysia dan Perpustakaan Negara sedang menjalankan kursus ini pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan satu soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin berkenaan dengan mesyuarat-mesyuarat Lembaga, saya ingin memberitahu bahawa apa yang ditetapkan di sini ialah Lembaga Penasihat mesti mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya setahun sekali. Ini bermakna bahawa Lembaga Penasihat itu boleh mengadakan mesyuaratnya lebih daripada sekali setahun.

Berkenaan dengan Perpustakaan Bimbingan Kanak-kanak, Perpustakaan Negara Malaysia sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak sama ada Persatuan Belia atau Sukarelawan yang ingin menubuhkan perkhidmatan perpustakaan ini dan khidmat nasihat boleh diberi bagi maksud ini. Perkhidmatan perpustakaan awam seperti ini juga diberi oleh Perbadanan Perpustakaan Awam di tiap-tiap negeri di negara ini.

Yang Berhormat Dato Dr. K.S. Nijhar mempersoalkan sama ada berlaku pertindihan dalam memberi perkhidmatan perpustakaan awam dengan Dewan Bandaraya. Saya ingin memberitahu bahawa tidak ada berlaku pertindihan di antara Perkhidmatan Perpustakaan Awam Dewan Bandaraya dengan Perpustakaan Negara, malahan berlaku kerjasama antara Dewan Bandaraya dan Perpustakaan Negara dalam menyediakan perkhidmatan pinjaman kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Yang Berhormat tadi lebih kurang telah saya jawab kerana saya tidak dapat mencatat satu persatu daripada soalan-soalan itu dan akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran atau cadangan itu dan berkenaan dengan hal-hal yang dibawa itu Kementerian saya akan memberi perhatian Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.24 ptg.

Tuan Wang Choon Wing: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dikemukakan ini adalah bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi pengumpulan, pemeliharaan, pengawalan bibliograti dan penggunaan bahan, perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan untuk menyediakan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tujuan Akta yang dicadangkan adalah untuk menggantikan Akta Pemeliharaan Buku-buku tahun 1966 kerana Akta tersebut tidak lagi dapat memenuhi kehendak semasa. Akta Pemeliharaan Buku-buku tahun 1966 mempunyai beberapa kelemahan. Skop Akta tersebut adalah terhad. Akta itu terlalu menekankan kepada bahan bercetak sahaja, walhal pada masa ini bahan perpustakaan jua mengandungi maklumat penting yang dirakamkan dalam beberapa bentuk media. Bahan-bahan ini juga merupakan bahan rujukan dan bahan penyelidikan penting bagi negara ini.

Akta Pemeliharaan Buku tahun 1966 mewajibkan penerbitan-penerbitan di negara ini menyerahkan dua naskah buku-buku yang diterbitkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia dan satu naskah kepada setiap institusi lain yang diwartakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Sehingga setakat ini 8 buah institusi telah diwartakan dan bilangan ini dijangka akan bertambah apabila institusi-institusi baru ditubuhkan. Peruntukan ini membebaskan penerbit-penerbit tempatan yang seringkali menghadapi masalah pemasaran terbitan mereka terutama terbitan-terbitan yang mahal. Akta yang ada kini tidak ada peruntukan perundangan bagi institusi-institusi yang menerima bahan-bahan terbitan tersebut dipertanggungjawabkan untuk memelihara dan juga untuk menyediakan bibliografi bagi tiap-tiap bahan terbitan yang telah diterima supaya bahan-bahan tersebut dapat dikesan dan dirujuk pada bila-bila masa oleh generasi akan datang.

Akta tersebut tidak ada peruntukan yang mewajibkan pihak Perpustakaan Negara Malaysia bertindak sebagai sebuah pusat penyeraban kebangsaan serta menjelaskan peranannya mengenai pemeliharaan bahan-bahan terbitan di negara ini. Oleh kerana kelemahan-kelemahan yang tersebut di atas adalah dicadangkan Akta Pemeliharaan Buku-buku tahun 1966 dimansuhkan dan digantikan dengan suatu Akta baru yang bertajuk Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan tahun 1986 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan secara ringkas beberapa peruntukan penting yang terkandung di dalam Rang Undang-undang bertajuk Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan tahun 1986. Rang Undang-undang ini mengandungi 11 Fasal. Skop Rang Undang-undang ini telah diperluaskan khususnya mengenai definasi bahan perpustakaan. Istilah di bawah Rang Undang-undang ini merangkumi bahan perpustakaan yang bercetak seperti buku-buku terbitan bersiri, peta, carta dan poster dan bahan perpustakaan yang tidak bercetak seperti filem sinematograf, mikroform, phono record, rakaman video, peta suara dan media elektronik lain yang dihasilkan dalam negara. Kesemua bahan perpustakaan tersebut merupakan hasil pemikiran kreatif warisan negara ini yang perlu dikenalpasti dan dipelihara supaya bahan-bahan tersebut dapat dikesan dan dirujuk pada bila-bila masa oleh generasi akan datang. Tafsiran mengenai istilah ini boleh didapati dalam Fasal 2 dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Di bawah Fasal ke 3 Perpustakaan Negara Malaysia telah dinamakan sebagai Pusat Penyerahan Negara bagi tujuan pengumpulan pemeliharaan dan pengawalan bibliografi bagi semua bahan

perpustakaan keluaran negara. Dengan wujudnya pusat tersebut di Perpustakaan Negara Malaysia pihaknya diwajibkan untuk menguatkuasakan Akta yang dicadangkan ini.

Rang Undang-undang ini juga ada peruntukan bagi pihak Perpustakaan Negara Malaysia menanda perjanjian dengan mana-mana Jabatan atau agensi Kerajaan yang mempunyai keupayaan dari segi kepakaran dan kemudahan untuk memelihara bahan-bahan perpustakaan tersebut.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]

Tujuan Fasal ini merupakan satu usaha untuk memastikan bahawa keseluruhan koleksi tersebut tidak akan termusnah sekiranya Perpustakaan Negara Malaysia dilanda bencana.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini adalah untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan penyerahan terbitan kepada institusi-institusi yang kian bertambah dari masa ke semasa. Ini adalah bertujuan untuk meringankan beban kepada penerbit-penerbit akibat penguatkuasaan Akta sekarang. Di bawah Rang Undang-undang ini penerbit hanya dikehendaki menyerahkan 5 naskah bahan perpustakaan yang bercetak dan dua naskah bahan perpustakaan yang tidak bercetak kepada Perpustakaan Negara Malaysia.

Fasal 4 dan 7 Rang Undang-undang ini membolehkan pihak Perpustakaan Negara Malaysia membayar kos bahan-bahan perpustakaan tersebut sekiranya perlu. Kerajaan akan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi maksud ini.

Huraian mengenai Fasal-fasal lain boleh didapati di dalam Rang Undang-undang yang telah dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, atas asas-asas pertimbangan yang telah saya kemukakan itu, dengan ini saya memohon mencadangkan.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan Majlis ialah Suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi pengumpulan, pemuliharaan, pengawalan bibliografi dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan untuk menyediakan bagi

perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan bagi kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.33 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi pengumpulan, pemuliharaan, pengawalan bibliografi dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan untuk menyediakan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentangan Rang Undang-undang sebentar ini tadi dapat saya ikuti bahawa tujuan Rang Undang-undang ini dibawa untuk diminta kelulusan Dewan ini ialah untuk memperkayakan khazanah Perpustakaan Negara kita, maka dengan ini saya mengalu-alukan Rang Undang-undang **ini**. Harapan kita ialah Perpustakaan Negara nanti akan dapat menjadi satu tempat bahan rujukan kepada anak keturunan kita supaya generasi akan datang akan mengetahui bagaimana negara kita sentiasa memberikan peluang-peluang kepada rakyatnya untuk mengetahui sedalam-dalamnya liku-liku perjalanan, perkembangan dan perjuangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi sewaktu kita membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perpustakaan Negara ini telah disebutkan bahawa tujuannya ialah untuk memperkukuhkan Akta itu yang telah berjalan selama 14 tahun dalam negara kita. Rang Undang-undang sekarang ini ialah bagi menggantikan Akta Pemuliharaan Buku-buku 1966 untuk diperluaskan, diperbesarkan lagi supaya semua bahan-bahan yang mengandungi apa sahaja bahan-bahan perpustakaan bercetak seperti buku, terbitan bersiri, peta, carta dan poster serta juga bahan-bahan perpustakaan yang tidak bercetak termasuk filem, sinematograf, mikrofilem, piring hitam, rakaman video dan audio dan media elektronik yang lain akan dapat dikumpulkan supaya

menjadi khazanah negara yang dikumpulkan di dalam Perpustakaan Negara kita. Harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, hanya satu. Kalau di dalam Akta ini dikenakan denda kepada penerbit yang tidak menyerahkan hasil terbitannya kepada pihak Perpustakaan Negara ini boleh didenda tidak melebihi \$3,000. Ini mungkin akan dapat dipertimbangkan oleh pihak yang akan melaksanakan Rang Undang-undang ini apabila telah kita luluskan kelak.

Tetapi satu harapan saya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkayakan Perpustakaan Negara ini. Baru-baru ini sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita membuat lawatan ke luar negeri, beliau telah menjumpai beberapa bahan-bahan cetak manuskrip hasil peninggalan kekayaan negara di zaman penjajahan dahulu. Jadi saya mengharapkan supaya Kerajaan kita dapat mengambil balik barang-barang yang ada di luar negeri itu, yang ada di khutubkhanah-khutubkhanah yang ada disimpan di negara-negara lainitu. Saya harap Kerajaan kita akan dapat berunding dengan cara yang baik dengan negara-negara tersebut untuk mengambil balik bahan-bahan sejarah yang merupai apa sahaja, sama ada tulisan, carta ataupun benda-benda yang boleh dijadikan hasil untuk memperkayakan Perpustakaan Negara bagi kepentingan generasi sekarang dan generasi akan datang menatap, mengkaji, meneliti bagaimana sejarah, tamadun bangsa kita Malaysia, bangsa kita dulu Melayu, bangsa kita dulu sebelumnya lagi Melayu jadi Malaya, jadi Malaysia untuk dikaji oleh anak keturunan kita supaya menanamkan perasaan perpaduan dan keharmonian serta mengenali bahawa kita hidup sebagai satu bangsa Malaysia yang mahu terus maju ke hadapan. Ini boleh didapati contoh-contoh, tauladan-tauladan yang dapat dikaji, yang dapat digali semula daripada bahan-bahan sejarah yang ada di luar negari seperti mana yang baru-baru ini dapat ditemui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Kita merasa kecewa sewaktu penjajahan dahulu sebuah kapal yang membawa hasil-hasil karyawan lama alam Melayu ini tenggelam di laut. Sama ada perkara ini benar tenggelam atau tidak, ini perlu kita kaji, perlu kita teliti. Saya mengharapkan kepada Kerajaan untuk memperkayakan bahan Perpustakaan Negara ini, perkara-perkara yang seperti itu dapat diikuti, dapat diteliti, dapat dikaji, benar-kah kapal yang membawa itu tenggelam atau perkara tenggelam itu hanya sebagai satu helah, kerana daripada hasil-hasil manuskrip dan sebagainya itu ada kekayaannya dan ada kelebihannya yang mereka simpan sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 ini akan melibatkan kepada perbelanjaan wang tambahan kepada Kerajaan. Tetapi oleh kerana ini satu perkara yang penting bagi negara, ianya tidak akan menjadi masalah jika sekiranya ia melibatkan kepada perbelanjaan tambahan ataupun kalau perbelanjaan tambahan diperlukan, insya Allah Dewan ini dengan suka hati akan memberikan restunya, nasihatnya untuk meluluskan perbelanjaan tambahan itu kerana ini amat penting kepada negara kita, kepada rakyat kita dan kepada generasi kita di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, buat saat ini saya tidak ada apa-apa komen mengenai dengan Rang Undang-undang ini, kerana ini adalah Rang Undang-undang yang pertama untuk penyerahan bahan-bahan perpustakaan semata-mata untuk menggantikan Undang-undang Pemuliharaan Buku-buku 1986. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana mengemukakan Rang Undang-undang Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

5.40 ptg.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan, iaitu suatu Akta yang dinamakan Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986.

Apabila diselidiki Rang Undang-undang yang dibentangkan **ini**, saya mendapati satu di antaranya kita telah dapat mentafsirkan, yang pertama berhubung dengan bahan-bahan perpustakaan yang bercetak, seperti buku, poster dan sebagainya. Dan satu lagi, telah juga dapat kita membahagikan kepada bahan-bahan perpustakaan yang tidak bercetak, seperti piring hitam, rakaman radio dan sebagainya.

Dalam pembentangan Rang Undang-undang ini saya difahamkan satu kuasa yang telah diberikan kepada Ketua Pengarah, iaitu satu kuasa mendapatkan tiap-tiap bahan yang bercetak yang diterbitkan di Malaysia **ini**, iaitu dalam masa satu bulan. Selain daripada **itu**, juga menekankan kepada bahan-bahan perpustakaan yang bercetak diserahkan kepada Ketua Pengarah dalam masa satu tahun dari penerbitannya. Dalam masalah **ini**, maka saya merasakan apabila satu penyerahan yang dimestikan diserahkan oleh pihak-pihak yang berkenaan kepada Ketua Pengarah, maka ini satu usaha yang kita puji yang dapat menentukan berapakah banyak bahan-bahan yang bercetak yang diterbitkan dan juga bahan-bahan yang tidak bercetak. Untuk menguatkan daripada Akta yang dibentangkan **ini**, maka kita ketahui satu di antaranya kepada penerbit-penerbit yang gagal menyerahkan mana-mana bahan perpustakaan, maka dikenakan denda tidak lebih daripada \$3,000 seperti yang tercatat dalam seksyen 3.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha yang begini kita memang sedar Kerajaan ataupun pihak-pihak yang berkenaan dapat menentukan berapa banyak bahan-bahan perpustakaan yang telah dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa, sama ada bahan-bahan itu sebagai bahan-bahan yang bercetak ataupun kepada bahan-bahan perpustakaan yang tidak bercetak.

Dalam hal ini saya cuma mengambil perhatian, khususnya kepada Kementerian yang berkenaan, yang pertama sekali berhubung dengan bahan-bahan yang bercetak. Apa yang kita tahu berhubung dengan bahan-bahan yang bercetak seperti buku dan sebagainya, maka ini perlu pihak Kementerian yang berkenaan dapat menentukan sekiranya kalau bahan-bahan yang bercetak hendak dilaksanakan, semoga pihak penerbit dapat menyerahkan dahulu bahan-bahan yang hendak dicetak itu sebelum dicetak terus, kerana-kita khuatir sekiranya bahan-bahan yang bercetak itu terus dicetak dan disebar kepada seluruh negara dan di dalam bacaan umum, maka ini kadang-kadang bahan-bahan yang bercetak itu agak tidak begitu sesuai dibaca oleh orang ramai dan sebagainya. Dengan sebab itu, kita mendapat tahu ada setengah-setengah bahan-bahan yang bercetak seperti buku dan sebagainya sesudah diedarkan atau dipasarkan kepada orang ramai, maka barulah diambil perhatian dan tindakan, sama ada buku itu diharamkan atau sebagainya. Jadi dengan tak secara langsung, maka saya mengharapkan supaya bahan-bahan perpustakaan yang bercetak ini sebelum dicetak, maka kita memastikan pihak penerbit menyerahkan kepada Kerajaan atau mana-mana pihak yang berkenaan sesudah mendapat kelulusan daripada pihak-pihak yang berkenaan barulah boleh dicetak, sebagaimana yang kita telah luluskan.

Selain daripada itu, sama juga seperti bahan-bahan perpustakaan yang tidak bercetak sebagaimana yang dijelaskan, seperti rakaman video dan sebagainya kerana kita ketahui ada setengah-setengah orang ramai yang terus merakamkan rakaman video dan sebagainya yang tidak selaras dengan perkara yang sebenar dan ditayangkan kepada orang ramai, sama ada kepada pihak-pihak yang tertentu atau sesiapa. Apabila kita dapati rakaman-rakaman yang berkenaan telah dirakamkan tidak betul, maka baru kita mengambil tindakan. Ertinya rakaman yang dikeluarkan itu tidak benar sebagaimana yang sebenarnya. Apabila kita dapat menentukan satu peraturan yang khusus, sama ada bahan-bahan perpustakaan yang bercetak, sama ada bahan-bahan perpustakaan yang tidak bercetak yang hendak dikeluarkan mesti mendapat kelulusan daripada pihak yang berkenaan. Sekiranya kalau ada mana-mana pihak yang melanggar peraturan yang kita jelaskan ini, maka kita menentukan satu hukuman yang sesuai kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

Selain daripada itu, perlu juga kita menentukan apakah bahan-bahan perpustakaan yang bercetak tidak perlu diserahkan kepada Kerajaan kalau kita fikirkan perlu hendak mengadakan bentuk sebarang perpustakaan yang tidak bercetak ataupun bercetak tidak perlu diserahkan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma menekankan dalam masalah penyerahan dahulu kepada Kerajaan sebelum dicetak ataupun sebelum diedarkan kepada masyarakat umum. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tiada lagi yang hendak berbahas, saya jemput Timbalan Menteri berkenaan memberi jawapan.

5.48 ptg.

Tuan Wang Choon Wing: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bahan-bahan sejarah yang berada di dalam dan di luar negeri yang patut dikumpulkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia, saya ingin memberitahu bahawa memang dari semasa ke semasa pihak Perpustakaan Negara Malaysia sentiasa memberi perhatian ke atas bahan-bahan yang bersejarah yang ada di dalam atau di luar negeri supaya dapat dikumpulkan di Perpustakaan Negara di dalam negara. Kadangkala bahan-bahan yang bersejarah itu yang berada di luar negeri, pihak Perpustakaan Negara juga berusaha mendapatkan balik melalui cara belian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat tadi supaya bahan-bahan bercetak diserahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia sebelum dicetak atau bahan-bahan bukan bercetak yang dikeluarkan oleh penerbit-penerbit harus juga diserahkan kepada pihak perpustakaan atau Kementerian sebelum dikeluarkan. Ini memang bukan satu kerja yang senang. Kalau semua bahan-bahan cetak atau bahan-bahan bukan cetak yang ingin dikeluarkan atau yang akan dikeluarkan oleh penerbit-penerbit, pihak Perpustakaan Negara kena menyemak semua bahan-bahan ini memanglah satu kerja yang sangat susah dan mengambil masa yang panjang.

Saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini berkenaan dengan buku-buku yang tidak sesuai untuk dibaca atau rakaman-rakaman yang tidak sesuai untuk ditonton itu bukanlah di dalam bidang kuasa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, tetapi ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Berkenaan dengan apa-apa bahan bercetak atau tidak bercetak yang tidak perlu diserahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia itu, saya ingin menerangkan di sini di bawah Akta ini semua bahan-bahan terbitan sama ada bercetak atau bukan bercetak kenalah diserahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia.

Sekian sahaja jawapan saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUTERA
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.55 ptg.

Menteri Kerjaraya [Dato' S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendaftaran Jurutera yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1967 telah berkuatkuasa mulai 23hb Ogos, 1972. Dengan tertubuhnya sebuah Lembaga Jurutera Malaysia, Lembaga ini adalah bertanggungjawab untuk menyimpan dan juga mengemaskini satu daftar jurutera-jurutera bertauliah dan mengawal iaitu tata kelakuan dan kesusilaan profesion kejuruteraan pada keseluruhannya.

Akta Pendaftaran Jurutera 1967 ialah satu dokumen undang-undang yang mengandungi hanya 27 seksyen sahaja. Akta ini bertujuan untuk mengawal profesion kejuruteraan pada keseluruhannya. Semenjak Akta ini berkuatkuasa selama 14 tahun, hanya sedikit pindaan sahaja telah dilakukan dalam tahun 1974 iaitu dengan menerangkan dengan lebih lanjut lagi seksyen yang menghalang mereka yang tidak berdaftar menjalankan tugas-tugas kejuruteraan.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga telah dikuatkuasakan bagi menghalang jurutera-jurutera menjalankan tugas-tugas sebagai jurutera perunding melainkan jika mereka telah mendapat kehilangan keahlian bersekutu atau, dengan izin, coporate membership dalam Institusi Jurutera Malaysia dan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Daripada pengalaman selama 14 tahun menguatkuasakan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 ini, Lembaga Jurutera mendapati bahawa peruntukan beberapa seksyen Akta ini adalah terlalu longgar dan perlu diperkemas dari membolehkan Lembaga Jurutera menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga juga berpendapat bahawa beberapa seksyen baru patut diadakan bagi meliputi perkara-perkara yang penting yang tidak disentuh dalam Akta yang berkuatkuasa sekarang. Di antara pindaan-pindaan yang terpenting ialah seperti berikut:

Seksyen 7A

Seksyen 7A sekarang adalah mensyaratkan supaya Lembaga Pengarah Pertubuhan Perbadanan terdiri sepenuhnya daripada Jurutera-jurutera Profesional Berdaftar dan saham Pertubuhan Perbadanan itu dipegang oleh Jurutera-jurutera Profesional Berdaftar.

Syarat-syarat ini adalah terlalu ketat bagi Pertubuhan Perbadanan tersebut menjalankan tugasnya sebagai Jurutera Perunding.

Pada masa ini kebanyakan projek-projek Perbadanan telah menjadi semakin kompleks dan memerlukan perkhidmatan kejuruteraan. Oleh itu seksyen 7A ini perlu dipinda bagi membolehkan golongan profesional lain seperti arkitek berdaftar, juruukur berdaftar atau mana-mana profesion yang lain yang diluluskan oleh Lembaga Jurutera untuk menjadi Pengarah dan memegang saham di dalam pertubuhan Perbadanan tersebut. Langkah ini juga adalah perlu bagi membolehkan jurutera-jurutera perunding tempatan dapat bersaing dengan konsortium profesional dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 10 sub-seksyen (2), seksyen ini berkait rapat dengan seksyen 7, seksyen-kecil (2) mengenai pengiktirafan seorang jurutera sebagai seorang Jurutera Profesional. Ada beberapa pindaan bahawa peruntukan sekarang ini memerlukan Jurutera Siswazah menjadi ahli bersekutu Institusi Jurutera Malaysia (IJM) atau Institute of Engineers Malaysia (IEM), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu satu organisasi swasta sebelum mereka boleh menjadi Jurutera Profesional. Pindaan tersebut membolehkan mana-mana Jurutera Siswazah menjadi Jurutera Profesional dengan menduduki peperiksaan Lembaga Jurutera Malaysia.

Seksyen 10A, seksyen baru ini adalah dicadangkan bagi membolehkan pengawalan ke atas jurutera-jurutera asing yang berdaftar sebagai Jurutera Profesional. Pada masa ini terdapat jurutera-jurutera asing di dalam daftar Lembaga Jurutera walaupun ada di antara mereka tidak ada lagi di dalam tanahair kita. Pendaftaran mereka tidak dapat dibatalkan kerana tidak ada peruntukan undang-undang dalam Akta ini yang membolehkan pembatalan nama mereka kerana mereka tidak melanggar apa-apa syarat pendaftaran. Dengan adanya pindaan ini, Lembaga Jurutera akan dapat menentukan sama ada jurutera asing itu patut terus didaftar atau dibatalkan.

Seksyen 10, seksyen ini ada kaitan dengan seksyen 10A di mana ia akan membolehkan jurutera-jurutera warganegara dan pemastautin sahaja diberi pendattaran tetap. Warganegara asing akan hanya diberi pendaftaran sementara sahaja.

Lain-lain seksyen yang patut juga saya utarakan di sini ialah seksyen-seksyen yang menyentuh perkara-perkara berikut:-

Seksyen 4(2) akan membolehkan Lembaga Jurutera memegang hartanah untuk kegunaannya;

Seksyen 15(1) dan 17(2) akan memberi kuasa kepada Lembaga Jurutera untuk membatalkan pendaftaran seseorang jurutera jika ia tidak membaharui pendaftarannya selama lebih dari 3 tahun berturut-turut;

Seksyen 15(3) akan membolehkan Lembaga Jurutera menggantung pendaftaran jurutera-jurutera yang membuat kesilapan kecil. Dahulunya kesalahan kesilapan mengakibatkan pembatalan pendaftaran sepenuhnya.

Seksyen 24A akan mengawal dan mengambil tindakan atas mana-mana majikan yang menggaji sebagai seorang Jurutera, orang-orang yang tidak berkelayakan sebagai Jurutera atau mereka yang layak tetapi tidak berdaftar dengan Lembaga.

Demikian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada 17 pindaan ke atas seksyen-seksyen yang dicadangkan dipinda. Seksyen-seksyen yang dicadang dipinda yang tidak disebutkan satu persatu adalah seksyen-seksyen yang bertajuan untuk memperkemaskini dan memberi penjelasan yang lebih tepat ke atas Akta Pendaftaran Jurutera yang berkuatkuasa sekarang.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 1986 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul **itu**.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera, 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.06 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian sedikit di dalam membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Pendattaran Jurutera, 1967 yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya kita.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya dengar tadi bahawa Akta Pendaftaran Kejuruteraan, ini adalah merupakan satu Akta yang ada hubungannya dengan undang-undang atau peraturan mendaftarkan jurutera atau profesion jurutera supaya tidak lari, tidak menyeleweng, orang luar tidak duduk dalam negeri kita, orang luar yang belum sampai dalam negeri kita tetapi dia sudah buat kerja di sini, kemudian orang yang menggaji orang yang bukan jurutera dikatakan jurutera, apa yang saya dengar tadi. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah kerana adanya kesedaran dari Kerajaan adanya berlaku beberapa kesilapan-kesilapan yang kita sendiri tidak sedar. Tetapi apabila Kerajaan, khasnya Menteri Kerjaraya, telah sedar sejak daripada Akta ini dikuatkuasakan selama 14 tahun yang lalu, sungguhpun Akta ini hanya mengandungi 27 seksyen, tetapi hari ini

kita pinda sebanyak 17 seksyen daripada 27 pinda 17, maknanya ini perkara besar yang akan melibatkan pembangunan perkembangan ekonomi negara yang ada hubung kaitnya dengan profesion kejuruteraan,

Daripada kesedaran yang telah didapati oleh pihak Kerajaan yang ada hubung kaitnya dengan profesion kejuruteraan **ini**, saya alu-alukan, dan apa salahnya untuk kebaikan negara sepertimana tadi ada satu syarat yang dikenakan, syarat yang terlalu ketat, seksyen 7A yang mensyaratkan supaya Lembaga Pengarah pertubuhan Perbadanan **diri** sepenuhnya daripada jurutera-jurutera profesional yang **ber**daftar dalam negara ini dan memegang saham sepenuhnya di dalam Perbadanan yang dipegang oleh jurutera-jurutera profesional yang berdaftar. Tetapi saya rasa ada baiknya untuk kebaikan negara kita seksyen 7A ini dapat Kerajaan memikirkan semula supaya barangkali dengan kelonggaran sedikit pihak kita dapat mempelajari daripada jurutera-jurutera profesional daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan pembentangan tadi, oleh kerana memandangkan bahawa perkembangan projek-projek Perbadanan telah menjadi semakin kompleks yang memerlukan kepada perkhidmatan kejuruteraan, maka Yang Berbormat Menteri Kerjaraya tadi menyebutkan seksyen 7A ini dipinda untuk membolehkan golongan profesional yang lain seperti arkitek berdattar, juruukur berdaftar atau mana-mana golongan profesional yang lain dapat dicantumkan, diluluskan oleh Lembaga Jurutera untuk sama-sama menjadi Pengarah, memegang saham di dalam pertubuhan Perbadanan yang tersebut itu tadi.

Langkah ini ialah untuk membolehkan supaya banyak atau ada sebahagian daripada Jurutera Perunding tempatan dapat bersaing dengan konsortium, apa yang disebut tadi, konsortium profesional dari luar negeri. Ertinya, ini memberi peluang kepada orang-orang kita untuk berganding rapat mempelajari teknik-teknik yang lebih sophisticated supaya lebih maju lagi. Kita tidak ketinggalan dengan jurutera-jurutera di negara-negara yang membangun, jurutera-jurutera daripada Jepun dan Korea kalau Pandang ke Timur, misalnya. Saya mengalu-alukan pindaan ini.

Seksyen 10 pecahan 2 yang disebutkan tadi supaya diberi pengiktirafan kepada seseorang jurutera sebagai seorang jurutera yang profesional, kerana ini berlaku penyelewengan, ada orang yang tidak didaftar, dikatakan jurutera berdaftar. Inilah yang menjadikan satu-satu projek, baik projek Kerajaan terutama sekali, belum sampai masa sekah, sudah sekah; belum sampai masa senget, sudah senget; belum sampai masa retak, dia retak. Ini agaknya yang berlaku seperti mana yang belum berdaftar, didaftarkan oleh Lembaga Jurutera (IJM) ini sebagai orang yang berkelayakan, berkebolehan mengambil bahagian di dalam meluluskan satu-satu projek. Akibatnya membawa kepada projek-projek Kerajaan yang belum sampai masanya runtuh, sudah runtuh yang belum sampai masanya sekah, sudah sekah; yang belum sampai masanya senget, sudah senget tanah lombong dibawahnya ada air tegakan rumah; orang belum masuk, rumah runtuh, macam yang berlaku kepada beberapa projek Kerajaan. Agaknya, kesedaran daripada Kerajaan, kerana inilah Yang Berhormat Menteri Kerjaraya kita membawa pindaan kepada Dewan ini mengenai dengan ini, supaya mereka

yang benar-benar diakui di dalam IJM atau diakui oleh satu badan swasta IEM seperti mana yang disebutkan tadi. Saya hendak mengingatkan pun susah, IJM, IEM ini. Kesedaran inilah barangkali dapat memberi bantuan kepada Kerajaan kita untuk menyelamatkan terutama daripada segi bidang kejuruteraan pembangunan kita.

Dalam pada itu saya dengar tadi, sewaktu Yang Berhormat Menteri membentangkan, pindaan ini juga untuk membolehkan mana-mana jurutera siswazah menjadi jurutera profesional dengan menduduki Peperiksaan Lembaga Jurutera. Ini memang baguslah, sebab sekarang ini banyak siswazah-siswazah kita yang balik dari luar negeri, misalnya dari Toledo, ada satu universiti di luar negeri bernama Toledo, saya pun tidak tahu dekat mana Toledo ini. Lulus sebagai jurutera, balik ke sini, kerana peluang kerja kosong tidak ada, dia tidak dapat kerja. Tetapi sementara dia hendak mendapat kerja, kalau dia didaftarkan sebagai jurutera profesional melalui Lembaga Jurutera ini amat baik, supaya dalam masa sebelum dia mendapat kerja, dia memahirkan diri untuk melaksanakan apa pengkajian yang dia bawa. Barangkali Toledo, tanahnya lain dengan tanah di sini. Toledo dikuatiri tiada tanah gambut, di sini ada tanah gambut, hendak pasang piling pun lain. Kita tidak mahu jambatan condong, kita tidak mahu ada rumah tumbang lagi, kalau Akta ini sudah berjalan besok.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu membentangkan tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan ada jurutera luar negeri yang tidak berdaftar di sini tetapi dia dapat membuat kerja di sini sedangkan orangnya tidak ada di sini. Macam mana ini boleh berlaku? Ini yang kita musykilkan. Cuma companynya sahaja yang ada di sini, barangkali joint venture, kerjasama, usahasama dengan satu Company kejuruteraan dalam negara kita, sedangkan dia tidak ada di sini, sedangkan dia

sudah mengaut keuntungan membuat kerja-kerja dalam negara, sedangkan mereka tiada di sini. Macam mana ini boleh berlaku? Dengan adanya pindaan ini, Lembaga Kejuruteraan Malaysia akan dapat menentukan sama ada jurutera-jurutera asing yang berdaftar di sini, tetapi orangnya tiada tadi itu, patut diteruskan atau dibatalkan. Saya mencadangkan kepada Kerajaan kepada mereka yang semacam **ini**, batalkan sahaja pendaftaran mereka itu, jangan diteruskan lagi.

Selain daripada itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dalam seksyen 4, seksyenkecil (2) untuk membolehkan kepada Lembaga Jurutera memegang hartanah untuk kegunaannya. Ini saya hendak bertanya, hendak buat apa? Adakah dia hendak membuat company sendirikah? Kerajaan yang sudah ada PKEN-PKEN, ada UDA, ada itu dan ada ini, sekarang saya ingin tahu Lembaga Jurutera yang di bawah awasan Kerajaan ini dibolehkan untuk memegang hartanah. Ini untuk buat apa? Adakah dia hendak berniaga sendirikah atau macam mana?

Dato' S. Samy Vellu: Bangunan sendiri.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Bangunan sendiri? Nanti Yang Berhormat Menteri jawablah. Kemudian dalam pecahan seksyen 15(1) dan 17(2), saya bersetuju sangat dengan pindaan Akta ini yang memberi kuasa kepada Lembaga Jurutera untuk membatalkan pendaftaran seseorang jurutera jika dia tidak membaharui lesen pendaftarannya selama 3 tahun. Orang tidak mahu buat apa kita beri lesen lagi? Berikan kepada orang baru pula supaya ada perasaan. Ini tidak didaftarkan Kerajaan akui, IJM akui. Hendak buat apa ini? Kita jangan terus memberi manja kepada mereka yang semacam itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan beberapa pindaan yang dibuat tadi saya memikirkan perkara ini memang untuk keperluan negara, untuk

kepentingan negara, kepentingan rakyat di masa akan datang dari segi kejuruteraan dan pendaftarannya ini, maka saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminta Akta Pendaftaran Jurutera 1967 ini untuk diluluskan. Terima kasih.

6.18 ptg.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama juga dengan rakan-rakan untuk mengambil bahagian setakat mana yang boleh berhubung dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini iaitu suatu Akta yang dinamakan Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 1986.

Apabila kita meneliti Akta yang dibentangkan **ini**, maka satu di antaranya, kepada jurutera-jurutera yang profesional hendaklah didaftarkan kepada mereka dan apabila Akta ini diluluskan, satu di antaranya, kita boleh mengesan khususnya kepada jurutera-jurutera yang terdapat di dalam negara Malaysia ini yang kita berasa kemungkinan semua jurutera-jurutera profesional di dalam negara kita ini dapat didaftarkan.

Selain daripada **itu**, apabila Akta ini dibentangkan, maka kita dapat mengawal profesion jurutera ita sendiri di dalam berbagai-bagai segi.

Selain daripada itu, tadi telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri terdapat di dalam Akta yang lalu bahawa jurutera-jurutera asing kadang-kadang mereka namanya sahaja ada tetapi tidak tinggal di Malaysia ataupun telah tinggal beberapa tahun yang lalu dan tidak ada lagi tinggal bersama di negara kita. Di dalam Akta yang terdahulu kita tidak boleh membatalkan pendaftaran namanya. Jadi ini pun telah dikemaskinikan dalam Akta yang dibentangkan ini.

Selain daripada itu kita juga merasakan apa yang dijelaskan di dalam Rang Undang-undang ini hanya jurutera profesional yang berdaftar boleh mengemukakan pelan lukisan dan sebagainya. Maka ini suatu Akta yang sangat baik pada hemat saya, kerana bagi mana-mana jurutera yang tidak berdaftar maka kita tidak menerima sebarang pengemukakan pelan lukisannya kepada pihak-pihak yang tertentu.

Kita boleh meluluskan pendaftaran sementara mana-mana jurutera asing sebagai jurutera profesional. Ini pada hemat saya membantu kepada negara kita ini sekiranya kalau kita agak memerlukan kepada jurutera-jurutera yang profesional, kita boleh mendaftar mereka tetapi dari segi kategorinya tidaklah sama dengan jurutera-jurutera sebagai rakyat di dalam negara kita ini kerana walaupun penerimaan kita sebagai ianya didaftarkan jurutera profesional tetapi ditentukan kepada satu kategori iaitu sementara sahaja.

Selain daripada itu kita juga berasa bangga sebagaimana yang tercatat di dalam Seksyen 2AA ini ada menyebutkan "tiada seorang pun boleh mengambil bekerja sebagai jurutera mana-mana orang yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini."

Ini satu pengkhususan yang begitu baik kepada pihak yang berkenaan supaya mana-mana jurutera profesional yang memikirkan

dirinya mungkin lebih tinggi lagi daripada mana-mana pihak tetapi kita telah menekankan sekiranya walaupun apa pun tinggi nilainya ataupun pelajarannya dalam bentuk jurutera maka sekiranya kalau dia tidak mendaftarkan maka kita tidaklah boleh mengambil dia sebagai jurutera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini cuma saya mengambil perhatian sahaja kepada pihak yang berkenaan. Yang pertama sekali kalau di dalam negara kita ini agak tidak memerlukan jurutera profesional daripada luar negeri tetapi kita merasakan setakat mana yang ada jurutera profesional dalam negeri boleh mengendalikan sebarang projek yang kita hendak laksanakan di dalam negara kita ini maka kita perlulah mengambil perhatian kepada jurutera profesional yang ada di dalam negara kita ini. Sekiranya kalau ada jurutera asing yang berkehendakkan sebagai pekerja ataupun sebagainya dalam negara kita ini, kita agak mengutamakan dulu daripada jurutera-jurutera profesional dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja yang dapat saya sampaikan dalam Dewan ini. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan yang bernama Suatu Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 1986. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada lagi yang hendak mengambil bahagian sebagai pembahas. Dijemput Menteri memberi jawapan.

6.25 ptg

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kesempatan untuk membahas dalam Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967. Pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, saya suka juga memberi sedikit jawapan.

Yang pertama, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah membangkitkan perkara mengenai kelonggaran yang dicadangkan ke atas Seksyen 7(2) untuk membenarkan jurutera-jurutera asing di daftarkan oleh Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jurutera-jurutera luar negeri dapat didaftarkan di bawah Seksyen baru 10A di bawah peruntukkan Pendaftaran Sementara. Oleh itu manfaat daripada jurutera asing dapat diteruskan untuk menentukan adanya pemindahan teknologi seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat. Namun demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang rapi.

Yang Berhormat Datuk Nasir bin Haji Manap juga telah membangkitkan beberapa soalan berkenaan dengan pendaftaran. Tetapi saya suka juga menjawab kepada Ahli Yang Berhormat, dan oleh kerana masa tidak mencukupi, maka dengan sebab itu saya memberi akuan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya boleh juga beri satu keterangan yang lebih lanjut pada masa yang akan datang. Ini satu hubungan di antara kita berdua, jadi lebih kawan baik. **[Ketawa]**

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini diterima oleh Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kail yang kedua sekarang,

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada dipindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa pun sudah cukup. Sekarangsaya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga pukul 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

[Jawapan bagi Pertanyaan No.13 hingga 22 adalah diberi di bawah ini]

DASAR PANDANG KE TIMUR - KEPERLUAN GRADUAN

13. **Puan Mazidah binti Haji Zakaria** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan Dasar Pandang Ke Timur, adakah Kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengikuti cara-cara Negeri Jepun dan Korea Selatan mengeluarkan graduan-graduan yang boleh memenuhi keperluan-keperluan industri swasta, terutamanya dari segi kemahiran amali dan kebolehan atau kemampuan usahawan.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil langkah sesuai dengan Dasar Pandang ke Timur dengan mengadakan bidang-bidang kursus di Instutusi Pengajian Tinggi berdasarkan keperluan semasa bagi pihak awam dan swasta. Ianya disesuaikan dengan keperluan negara agar dapat menghasilkan tenaga manusia terlatih yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Pelajar-pelajar juga diberi pendedahan amali seperti yang disarankan dalam pelan Induk Perindustrian (IMP) dengan menempatkan mereka di agensi-agensi Kerajaan dan swasta. Penempatan tersebut adalah diharapkan dapat menambahkan kemahiran, pengetahuan dan kemampuan mereka sebelum melangkah ke bidang pekerjaan.

[Soalan No. 14. Sila lihat Jawapan No.12 pada 12.12.1986]

LPN - KEMASUKAN BERAS SECARA HARAM

15. **Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sejauh manakah kejayaan semenjak LPN menguatkuasakan kawalan dari kemasukan beras dan bahan-bahan terkawal secara haram. Beras-beras dan lain-lain yang dirampas itu adakah dilelong atau dijadikan hakmilik LPN.

Menteri Perusahaan Awam [Datin Paduka Rafidah Aziz]: Kawalan kemasukan beras secara haram oleh LPN bersama-sama dengan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), telah sedikit sebanyak berjaya mengurangkan kegiatan tersebut. Di antara tahun-tahun 1980-1985, sebanyak 2,730 kes yang melibatkan 3,435 tan metrik beras, beras pulut dan padi telah didakwa di mahkamah.

Mengikut Seksyen 22A Akta LPN 1971, beras-beras yang dirampas, apabila didapati sabit kesalahan akan dijual secara tender atau melalui saluran biasa LPN bergantung kepada mutu dan kuantiti beras tersebut dan hasilnya dijadikan sebagai pendapatan kepada LPN.

KEMPEN TIDAK MEROKOK

16. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana kejayaan Kempen Tidak Merokok sehari pada 5hb November 1986 lalu adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk meneruskan kempen ini dari masa ke semasa.

Dato' Chan Siang Sun: Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kempen Tidak Merokok Sehari yang telah diadakan pada 5hb November 1986 lalu adalah anjuran Persatuan Doktor-doktor Perubatan Malaysia dan bukan dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan.

Adalah terlalu awal bagi pihak penganjur hendak mengatakan sejauh maua kejayaan Kempen tersebut. Walau bagaimanapun, pada masa ini pihak penganjur sedang mendapatkan maklumat-maklumat dan data-data berkenaan dengan kempen yang telah diadakan itu untuk mengetahui sama ada kempen itu berjaya atau tidak. Berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang akan diterima itu, satu keputusan akan dibuat oleh pihak penganjur sama ada hendak meneruskan kempen itu dari masa ke semasa.

ORANG ASLI - ANCAMAN MALARIA

17. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya tinggal di pedalaman di banjaran Titiwangsa mereka di dalam kebimbangan kerana nyawa mereka diancam oleh penyakit demam Malaria; jika benar, bolehkah Menteri berkenaan menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah jumlah bilangan mereka yang mengidap Malaria bagi tahun 1983, 1984, 1985 dan Oktober, 1986;
- (b) berapa ramaikah bilangan yang jadi maut akibat penyakit Malaria bagi tahun 1983, 1984, 1985 dan Oktober 1986; dan
- (c) apakah langkah-langkah/program Kementerian Kesihatan untuk mengurangkan atau jika boleh menghapuskan penyakit Malaria di kalangan masyarakat Orang Asli di pedalaman itu di masa yang lalu dan akan datang.

Dato' Chan Siang Sun: Bilangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang mengidap penyakit demam Malaria adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan yang diperiksa	Bilangan yang mengidap (orang)	Bilangan yang mati
1983	13,231 orang	1,607 (12.3%)	1
1984	16,668 orang	2,161 (12.9%)	-
1985	17,063 orang	2,754 (16.1%)	-
1986	17,177 orang	2,874 (16.7%)	6

(hingga 31.10.86)

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, Kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, telah mengambil langkah-langkah berikut untuk mengawal penyakit ini daripada merebak:-

- (i) mengadakan Rancangan Kawalan Penyakit Bawaan Vektor (RKPBV) di tiap-tiap negeri dan daerah yang berkenaan;
- (ii) membuat pengesahan ke atas kes-kes aktif (ACD) dan kes-kes pasif (PCD);

- (iii) menyembur ubat anti Malaria di tiap-tiap rumah/kawasan yang terlibat pada tiap-tiap tiga bulan sekali;
- (iv) memberi rawatan kepada kes-kes yang positif;
- (v) memberi pengetahuan dan pelajaran kesihatan kepada masyarakat Orang Asli terutama di kawasan pedalaman mengenai penyakit demam Malaria serta cara-cara untuk mengelak daripada terkena penyakit tersebut;
- (vi) mengadakan penyelidikan "resistant study".

Kerajaan berharap dengan adanya langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang telah, sedang dan akan dijalankan ini, wabak penyakit demam Malaria akan dapat dikurangkan walaupun tidak dapat dihapuskan sama sekali. Bagi mencapai objektif ini, penduduk-penduduk di kawasan pedalaman terutama masyarakat Orang Asli, hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan dengan cara mengamal segala nasihat dan pelajaran yang diberikan sama ada oleh kakitangan Jabatan Orang Asli sendiri maupun oleh kakitangan Kementerian Kesihatan. Saya percaya jika rakyat memberikan kerjasama mereka, penyakit ini akan dapat dikawal sewajarnya.

PERKHIDMATAN POLIS DI RAJA MALAYSIA

18. **Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil dalam meningkat perkhidmatan Polis Diraja Malaysia;

- (a) mencukupkan jumlah pegawai yang kosong dan kenaikan pangkat;
- (b) mencukupkan jumlah anggota Polis di merata balai polis;
- (c) kenderaan dan pengangkutan yang baru menggantikan yang telah lama;
- (d) membangunkan balai-balai baru serta perumahan kakitangan yang sesuai dengan masa; dan
- (e) bentuk pakaian Polis Wanita kepada yang sesuai dengan ajaran Islam.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Dalam soalnya Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan lima perkara yang memerlukan saya memberi penjelasan satu persatu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengenai perkara pertama, Kerajaan sememangnya sentiasa mengambil langkah untuk mengisi jawatan kosong dalam Polis Diraja Malaysia secara pengambilan anggota baru mengikut had yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan dan juga secara kenaikan pangkat. Setiap tahun urusan pengambilan anggota baru dan kenaikan pangkat dijalankan untuk memastikan matlamat perjawatan Polis Diraja Malaysia tercapai.

Mengenai perkara kedua, Kerajaan telahpun mengarah Polis Diraja Malaysia mengambil langkah-langkah dari masa ke semasa untuk mencukupkan dan menseimbangkan jumlah anggota polis di merata balai dengan menukar dan menempatkan anggota-anggota polis ke tempat-tempat di mana terdapat kekosongan yang perlu diisikan. Amalan ini sedang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia.

Mengenai perkara ketiga, Kerajaan memang sedia maklum bahawa kelengkapan yang baik adalah penting untuk menjalankan tugas-tugas dengan berkesan. Oleh itu perolehan kenderaan Polis Diraja Malaysia adalah dirancang untuk memenuhi keperluan dari masa ke semasa. Dari tahun 1981 hingga 1985, sebanyak \$102,840,700 telah dibelanjakan untuk membeli pelbagai kenderaan dan pengangkutan dan pada tahun 1986 sebanyak \$2,167,390 telah dibelanjakan untuk membeli 126 buah Proton Saga bagi menggantikan kereta peronda yang telah lama, sebanyak \$1.6 juta untuk membeli 30 buah lori pengangkut, sebanyak \$2.88 juta untuk 12 buah bot laju.

Mengenai perkara keempat, ianya adalah dalam pengetahuan Kerajaan dan Kerajaan mengambil perhatian berat mengenainya. Peruntukan telah disediakan di mana di bawah Rancangan Malaysia, sebanyak \$400 juta telah diperuntukan untuk pembangunan polis, di mana sebahagian daripadanya akan digunakan untuk tujuan tersebut. Dari pada peruntukan tersebut, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa pihak Polis Diraja Malaysia telah merancang untuk membeli Taman-taman Perumahan yang telah siap yang harganya adalah berpatutan di Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru untuk didiami oleh anggota polis.

Akhirnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengenai perkara kelima, Kerajaan mengakui adanya keperluan pakaian Polis Wanita yang selaras dengan kehendak Islam. Kementerian saya sedang mengkaji cadangan itu dari segi kesesuaiannya dengan tugas, agama, kebudayaan serta implikasi kewangan.

PROGRAM LUAR KAMPUS UNIVERSITI TEMPATAN

19. Tuan G. Rajoo minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) sama ada Kerajaan bercadang meluaskan program Luar Kampus mendapati ijazah asas ke semua Uiversiti Tempatan di negara ini seperti yang terdapat di Universiti Sains Malaysia dan beri sebab-sebabnya; dan
- (b) nyatakan jumlah pemohon bagi program Luar Kampus di Universiti Sains Malaysia semenjak ianya dilancarkan dan jumlah penuntut yang berjaya.

Tuan Woon See Chin:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk meluaskan program Luar Kampus seperti yang terdapat di Universiti Sains Malaysia ke semua universiti-universiti tempatan yang lain. Ini adalah memandangkan program yang sedia ada sudah mencukupi dan keutamaan adalah diberikan kepada pelajar-pelajar yang baru lepas sekolah. Di samping itu faktor-faktor lalu termasuk kewangan dan guna tenaga manusia adalah tidak mengizinkan.
- (b) Jumlah permohonan bagi program Luar Kampus di Universiti Sains Malaysia semenjak ianya dimulakan hingga tahun 1986 ialah melebihi 22,000 orang dan yang berjaya ialah seramai 4,537 orang.

PERAJURIT BAGI LULUSAN SPM/SRP

20. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan ramai juga perajurit-perajurit kita telah bersara selepas berkhidmat dengan Kementerian Pertahanan dan kekosongannya masih belum diisikan, adakah tindakan rancangan pihak Kementerian untuk memberi galakan kepada lepasan sekolah, khususnya pemegang-pemegang SPM Gred 3 dan SRP yang sedang mengang-gar supaya berminat kepada jawatan perajurit tersebut.

Menteri Pertahanan [Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:

Kekosongan jawatan memang berlaku tiap-tiap tahun di dalam Angkatan Tentera Malaysia akibat anggota-anggota tentera yang telah selesai tempoh perkhidmatan mereka. Walaupun begitu kekosongan yang berlaku tidak boleh diisi dengan serta merta kerana mereka yang baru masuk berkhidmat terpaksa dilatih terlebih dahulu sedangkan kemampuan Pusat Latihan untuk melatih anggota-anggota baru adalah terhad. Atas hakikat inilah Angkatan Tentera terpaksa mengisi kekosongan yang berlaku secara berperingkat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kelayakan minimum untuk memasuki Angkatan Tentera ialah tamat Tingkat 3 Sekolah bantuan penuh Kerajaan dan hendaklah sihat tubuh badan. Pemegang-pemegang Sijil SRP dan SPM Gred 3 juga boleh memohon. Pada tahun ini sahaja seramai 4,700 orang rekrut yang telah berjaya dipilih untuk dilatih menjadi anggota-anggota tentera dalam ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat, Laut dan Udara. Pengambilan anggota baru ini akan diteruskan tiap-tiap tahun untuk mengisi kekosongan yang berlaku. Kementerian Pertahanan sentiasa mengalu-alukan penyertaan belia-belia lepasan sekolah yang berminat untuk menceburi kerjaya Tentera.

Kementerian Pertahanan melalui Jabatan arah Tenaga Kerja sentiasa berusaha untuk menarik minat para belia khususnya yang berkelayakan menyertai bidang ketenteraan dengan mengadakan berbagai

program dan aktiviti seperti mengadakan ceramah di sekolah-sekolah menengah di seluruh negara untuk menanam minat lepasan sekolah menceburi bidang ini. Pada tahun 1987 ceramah kerjaya ini akan diteruskan, di samping itu pusat-pusat penerangan tentang kerjaya di dalam Angkatan Tentera akan diadakan di pejabat-pejabat Penerangan dan di Jabatan Tenaga Rakyat di seluruh negara sebagai langkah untuk memudahkan bagi belia-belia lepasan sekolah mendapat maklumat tentang peluang dan bidang yang boleh mereka ceburi dalam Angkatan Tentera Malaysia.

LLN - UNIT PENYERTAAN BUMIPUTERA

21. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) sama ada benar Unit Penyertaan Bumiputera yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah LLN tidak berfungsi dan hasil penyelidikan yang dibuat oleh pegawai-pegawainya tidak diambil kira dan jika benar, mengapa dan kenapa;
- (b) sama ada benar dakwaan terdapatnya tender-tender kontrak di bawah \$100,000 yang dimenangi oleh kontraktor Bumiputera pernah dibatalkan oleh pihak LLN tanpa sebarang sebab dan jika benar mengapa dan bila, serta jumlah pampasan yang diberi, jika ada; dan
- (c) nama-nama kontrak yang di bawah \$100,000 yang diberi pada Syarikat Bumiputera dan bukan Bumiputera semenjak tahun 1982 hingga November 1986.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:

- (a) Tidak benar bahawa Unit Penyertaan Bumiputera di LLN tidak berfungsi kerana unit itu telah, sedang dan akan terus membantu Syarikat-syarikat Bumiputera menyertai projek-projek perkhidmatan, perbekalan dan pembinaan LLN.

- (b) Setakat ini LLN tidak pernah membatalkan kontrak-kontrak yang diberi kepada Syarikat-syarikat Bumiputera di bawah \$100,000 tanpa sebarang alasan.
- (c) Semenjak tahun 1982 hingga bulan Jun 1986, LLN telah memberi 36,626 kontrak kepada syarikat-syarikat Bumiputera dan 39,720 kontrak kepada syarikat-syarikat bukan Bumiputera.

JAMBATAN PULAU PINANG/DAYA BUMI - KONTRAK TURNKEY

22. **Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan apakah teknologi yang telah didapati oleh rakyat Malaysia daripada kontrak-kontrak asing seperti membina Jambatan Pulau Pinang, pembinaan Daya Bumi dan lain-lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:

Dalam melaksanakan projek-projek yang sofistikated dan besar yang tidak mampu dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor tempatan, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk memasukkan satu fasal khas ke dalam dokumen kontrak mengenai pemindahan teknologi (transfer of technology). Tujuan memasukkan fasal ini ialah untuk memastikan kontraktor-kontraktor asing yang luas pengalamannya, memindahkan pengetahuan mereka bukan sahaja kepada kakitangan Kerajaan tetapi juga kepada kontraktor-kontraktor tempatan sama ada yang bergabung dengannya ataupun yang menjadi sub-kontraktor kepada mereka. Di dalam kontrak-kontrak kerja 'turnkey' pula, pemindahan teknologi ini diperluaskan kepada perundingan-perundingan tempatan.

Bagi memastikan perkara ini benar-benar berlaku, agensi-agensi pelaksana Kerajaan yang mengendalikan projek-projek yang sofistikated dan besar ini, sama ada secara persendirian atau melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan, mengawas (monitor) dari semasa ke semasa program-program pemindahan teknologi ini.

Dari pemerhatian Kerajaan, pemindahah ini memang berlaku sama ada secara langsung atau tidak langsung, umpamanya dalam bidang pengurusan projek dan kontrak serta kemahiran teknik pembinaan.

Dalam pembinaan projek Jambatan Pulau Pinang umpamanya, seramai 500 rakyat tempatan telah dilatih oleh kontraktor utama (asing) dalam bidang kimpalan (welding), mekanikal dan kerja-kerja berkaitan dengan struktur konkrit, manakala dalam pembinaan projek Daya Bumi pula seramai 57 kakitangan Kerajaan telah dihantar ke Jepun untuk dilatih dalam berbagai bidang teknikal.

